

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

**PENYATA RASMI (HANSARD)
MESYUARAT PERTAMA
DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21**

[DRAF AWAL]

**HARI SELASA
10 RAMADAN 1446
BERSAMAAN 11 MAC 2025
(HARI KESEMBILAN)**

Hari Selasa, 10 Ramadan 1446 / 11 Mac 2025

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA**

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI):**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

TIDAK HADIR:

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam (Tidak hadir atas makluman kurang sihat).

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari kesembilan pada hari ini, Selasa, 10 Ramadan 1446 bersamaan 11 Mac 2025, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

(Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang, Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warrahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, kita dapat bersama-sama berkumpul lagi pada hari ini untuk bersidang bagi

hari kesembilan dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Saidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita akan memulakan persidangan hari ini dengan urusan mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Waktu Pertanyaan bagi Jawab Lisan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Waktu Pertanyaan bagi hari ini, saya mulakan dengan soalan pertama iaitu daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan mengenai dengan kedudukan terkini mengenai *Integrated Industrial Policy*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu perkara penting dalam pembangunan industri negara adalah pensejajaran dasar kerajaan termasuk pengawalseliaan.

Pada masa ini, memang sudah terdapat pengawal selia bagi aktiviti masing-masing sebagai contoh isu tanah termasuk penyalahgunaan tanah di bawah Jabatan Tanah, isu-isu bangunan di bawah *ABCI* bagi kawasan bandaran dan *TCP* bagi kawasan daerah, *Fire Safety Order* di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk premis perniagaan.

Manakala, aktiviti-aktiviti perniagaan di Negara Brunei Darussalam sebelum ini pernah dikawal selia di bawah *Miscellaneous Licences Act*, melalui pemberian lesen perniagaan yang dikenali sebagai Lesen Rampaian yang dikeluarkan di bawah bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Walau bagaimanapun, Akta tersebut telah dimansuhkan pada tahun 2016 mengambil kira keperluan untuk mendapatkan lesen tersebut telah memberikan kesan negatif kepada kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam *Ease of Doing Business*.

Selepas pemansuhan *Miscellaneous Licenses Act*, beberapa agensi telah

mengambil inisiatif untuk mengawal selia beberapa jenis aktiviti perniagaan tertentu seperti *Establishment Kecantikan dan Kesihatan* oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan aktiviti perniagaan makanan oleh Autoriti Makanan Brunei Darussalam, BDFA.

Meskipun langkah-langkah ini telah diambil, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mendapati bahawa ada aktiviti-aktiviti perniagaan tertentu yang masih belum dikawal selia oleh mana-mana agensi.

Oleh yang demikian, pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah meneliti kesesuaian Perintah Penyelarasan Perindustrian, 2001, *Industrial Coordination Order, 2001 – ICO 2001*, yang belum pernah dikuatkuasakan sebelum ini dan merancang untuk meminda serta memperluaskan skop *ICO 2001*.

Hasrat pindaan ini bertujuan untuk mewujudkan pengawalseliaan dengan dasar-dasar yang terentu yang lebih menyeluruh terhadap pelbagai aktiviti perindustrian termasuk aktiviti pembuatan, perniagaan peruncitan serta aktiviti perindustrian lain.

Dengan pindaan ini, *ICO 2001* akan dijadikan sebagai rangka kerja pengawalseliaan dengan dasar yang lebih komprehensif, teratur dan berupaya menangani aktiviti-aktiviti

perniagaan yang masih belum dikawal selia di negara ini.

Langkah ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan industri dan ekonomi yang lebih teratur. Perkara ini jua akan diperkukuhkan lagi dengan pengemaskinian Akta *ICO, 2001* yang pada masa ini dalam penelitian agensi kerajaan yang berkenaan.

Antaranya manfaat-manfaat pindaan *ICO 2001* di atas, agensi-agensi yang terlibat seperti *Brunei Darussalam Food Authority, BDFA, Authority on Building Control and Construction Industry*, Jabatan Buruh, Jabatan Pengangkutan Darat, JPD dan lain-lain yang berkepentingan dapat meneliti dan memudahkan lagi dasar-dasar di bawah kuasa bidang mereka masing-masing untuk mencapai matlamat negara selaras dengan *Economic Blueprint* dan peta-peta perindustrian yang sedia ada pada masa ini.

Oleh itu, memandangkan usaha ini ada *cross-cutting* di antara beberapa kementerian dan agensi kerajaan serta sektor swasta seperti institusi-institusi kewangan, dasar bagi pembangunan industri akan memerlukan pendekatan yang lebih *coordinated* dan secara *whole of nation approach* untuk menghasilkan impak yang besar dan positif kepada pertumbuhan ekonomi.

Pada masa yang sama, ianya jua akan memastikan ketelusan sebarang tindakan yang diambil dan akan dapat

memudahkan pendapatan sasaran bagi pembangunan industri.

Dengan penggubalan dan pengemaskinian perintah ini, Brunei Darussalam bukan sahaja menawarkan ekosistem perindustrian yang lebih terkawal dan teratur bahkan ianya jua akan menyejajarkan dasar-dasar kerajaan yang lebih menyeluruh untuk mendukung usaha pembangunan perindustrian tempatan.

Sekian. Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Kita beralih kepada soalan kedua. Soalan kedua iaitu soalan yang juga dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim dan ditujukan juga kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih atas soalan Ahli Yang Berhormat. Antara langkah ke hadapan, pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui pihak *BEDB* sedang giat aktif mengadakan beberapa promosi peluang pelaburan melalui ekspo-ekspo serantau dan antarabangsa di negara-negara yang disasarkan seperti Jepun, Korea Selatan, Australia, Republik

Singapura, dan Republik India untuk menjadi pelabur FDI ke negara ini.

Bagi memastikan penglibatan pengusaha tempatan dalam meraih peluang perniagaan daripada FDI, termasuk peluang *spin-off* atau penglibatan dalam rantai nilai dan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan, pihak *BEDB* sentiasa mempromosi peluang-peluang tersebut.

Inisiatif ini melibatkan PMKS tempatan sebagai syarikat pembekal dan *vendors* kepada syarikat-syarikat besar, termasuk FDI. Melalui DARELINKS, lebih dari 600 peluang kontrak telahpun diiklankan untuk ditawarkan kepada perusahaan tempatan.

Projek-projek seperti di sektor hiliran minyak dan gas telah menjana kesan *spin-off effects* yang positif. Operasi Hengyi Industries Sdn Bhd telah memperolehi khidmat dan bekalan daripada 121 syarikat tempatan, *Brunei Fertilizer Industries* sebanyak 230 syarikat tempatan, dan Brunei Methanol Company sebanyak 32 syarikat tempatan. *Spin-off effects* ini tidak hanya menambah peluang perniagaan kepada PMKS tempatan tetapi jua meningkatkan *capability* dan kapasiti operasi mereka.

Selain itu, ini mendorong penubuhan perusahaan-perusahaan baharu untuk memenuhi keperluan syarikat-syarikat besar dan FDI dalam pelbagai industri.

Perusahaan-perusahaan yang terlibat telah membekalkan perkhidmatan

seperti IT, infrastruktur dan pembinaan, pengurusan fasiliti dan penyelenggaraan, perkhidmatan mekanikal dan elektrik, pengurusan fasiliti dan perkhidmatan pembersihan, penyelenggaraan landskap & kawasan, pengurusan acara dan perkhidmatan kreatif, keselamatan, katering, latihan HSE, dan pembekalan produk barangan seperti pakaian dan peralatan pelindung diri, PPE serta peralatan ICT.

Selain itu, syarikat-syarikat FDI seperti kilang pengeluaran Asid Asetik dan Anilin, AAA atau pun Projek AAA telah ditubuhkan sebagai projek *spin-off* daripada syarikat usaha-sama kerajaan, iaitu Syarikat Polygel Organometallic Sdn Bhd. Projek AAA ini menggunakan produk-produk petrokimia dari syarikat Hengyi, *BFI*, dan *BMC* sebagai bahan mentah utama.

Syarikat *Brunei Rotary Engineering Sdn Bhd* juga telah ditubuhkan untuk mendukung kilang-kilang dan syarikat-syarikat yang sedia ada dalam perkhidmatan *Engineering, Procurement and Construction*, EPC.

Syarikat BFI berpotensi membuka peluang pelaburan baharu dengan menggunakan pengeluaran produk mereka seperti *ammonia* dan *urea* untuk kilang pengeluaran *formaldehyde*, *melamine*, dan sebagainya.

Syarikat-syarikat *FDI* telah memberikan impak positif dengan menambah peluang perniagaan kepada penubuhan syarikat PMKS tempatan, meningkatkan operasi

dan memenuhi keperluan perkhidmatan bagi syarikat-syarikat *FDI* tersebut.

Pada tahun 2024, perbelanjaan kepada pengusaha-pengusaha tempatan untuk perkhidmatan kejuruteraan khas, perkhidmatan marin, perkhidmatan penyelenggaraan, pengurusan sisa dan perkhidmatan keselamatan sekurang-kurangnya berjumlah \$32.3 juta.

Kategori perkhidmatan logistik untuk import, eksport, pergudangan dan logistik secara umum mencapai perbelanjaan sekurang-kurangnya \$16.65 juta. Pembekal bahan kimia, jentera, dan tenaga kerja mencapai perbelanjaan sekurang-kurangnya \$9.64 juta.

Terbukti bahawa pengusaha-pengusaha tempatan telah meningkatkan kapasiti mereka secara beransur-ansur dengan sokongan daripada syarikat-syarikat *FDI*. Insyaa-Allah, pada masa hadapan, mereka akan dapat berkembang lagi seiring dengan pertumbuhan *FDI* di Negara Brunei Darussalam. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang ketiga dari Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. Silakan Yang Berhormat Pengiran.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin memohon izin untuk dapat menjawab tiga soalan terus bersama iaitu bermula dengan soalan 3, 4 dan 5 iaitu menyentuh mengenai inisiatif integrasi bagi sektor pengangkutan dan diikuti dengan soalan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang mana ada berhubung kait.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Jadinya 3, 4 dan 5 iaitu soalan 4 ialah soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dr Awang Haji Mahali bin Haji Momin dan yang ke-5 soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusof. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan Selamat pagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dan juga Yang Berhormat Dr Awang Haji Mahali bin Haji Momin membawa perhatian mengenai peranan sektor pengangkutan bagi meningkatkan lagi kesaling hubungan yang inklusif,

berintegrasi dan berdaya tahan serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara yang mampan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya menjadi hasrat Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk meningkatkan dan memantapkan sektor pengangkutan sebagai salah satu pemacu utama dalam menjana hasil pendapatan negara dan juga berperanan bagi memudahcara pergerakan serta mendukung pelbagai aktiviti-aktiviti perekonomian.

Sepertimana yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sumbangan sektor pengangkutan udara kepada Keluaran Dalam Negara Kasar, KDNK pada tahun 2024 telah mencatat peningkatan sebanyak 18.9% dan pengangkutan air sebanyak 7.7%.

Ini antara lainnya disumbang oleh sektor penerbangan yang beransur pulih dan sektor perkapalan yang semakin berkembang selari dengan pertumbuhan sektor hiliran dan pengeksportan produk-produknya.

Oleh yang demikian, sudah setentunya pihak kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan juga *Brunei Economic Development Board* melihat penting akan sektor pengangkutan diperkembangkan lagi. Bukan sahaja sektor yang berdiri sendiri, *standalone* tetapi juga sebagai rangkaian

nilai, *value chain* dari hujung ke hujung yang melangkaui setiap sektor pengangkutan. Contohnya adalah bagi *wholechain* yang merupakan bagi rangkaian pengangkutan bekalan terkawal suhu yang penting untuk memelihara pengangkutan barang-barang yang sudah rosak.

Dari segi pengangkutan darat, usaha-usaha yang sedang giat dilaksanakan antara lain adalah sistem pengangkutan awam yang sudah dikongsikan pada hari yang terdahulu yang mana melibatkan perjalanan *intra district* dan dijangka akan diperkembangkan juga secara *inter district* iaitu merangkumi ke semua daerah. Iaitu merangkumi semua daerah.

Ini juga termasuklah kerjasama pengangkutan rentas sempadan melalui inisiatif *BIMP-EAGA* dan juga *ASEAN* iaitu dibawah rangkaian lebuh raya *ASEAN Highway Network* yang melibatkan peta laluan yang dipanggil *AH150* bagi menghubungkan Negara Brunei Darussalam dengan negara jiran Malaysia.

Projek-projek penaiktarafan pos-pos kawalan imigresen yang dilaksanakan secara bersepadu adalah juga di antara usaha kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memudahkan cara perdagangan negara melalui laluan darat. Berkaitan dengan pengangkutan rangkaian *rail* dan perkhidmatan kereta api, perkara ini juga ada ditimbulkan semasa perjumpaan dua hala di antara

Negara Brunei Darussalam dan Malaysia pada bulan November yang lalu.

Kementerian ini mengambil maklum mengenai kajian kebolehlaksanaan, *feasability study* yang akan dijalankan oleh Malaysia bagi pembangunan kereta api di antara Sabah dan Sarawak, dimana perkara ini perlu dibuat penelitian dengan lebih lanjut terlebih dahulu untuk melibatkannya dengan Negara Brunei Darussalam. Untuk maklumat Yang Berhormat, cadangan-cadangan yang diterima oleh kementerian setakat ini belum lagi boleh mengendalikan kajian kebolehlaksanaan, *feasability study*.

Dalam pada itu, kementerian ini akan terus memantau dengan mana-mana pengusul mengenai perkembangan terutama perancangan mereka khususnya dalam pembangunan sistem *connectivity*, domestik dan juga merentas sempadan.

Dalam usaha merealisasikan visi untuk menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sebagai hub udara serantau, beberapa langkah-langkah strategik telah dan sedang dilaksanakan secara berterusan. Antaranya ialah mewujudkan dan memperkukuhkan kerjasama serantau serta antarabangsa melalui perjanjian-perjanjian dua hala dan pelbagai hala. Memperluaskan rangkaian laluan penerbangan.

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bersama Jabatan Penerbangan Awam terus berusaha untuk memperluaskan rangkaian sektor

penerbangan bagi meningkatkan kesaling hubungan udara. Ini adalah bertujuan untuk memudah cara dan meningkatkan pergerakan penumpang, barangan dan perkhidmatan secara lebih cekap dan efisien sekali gus menarik pelaburan, merangsang pertumbuhan ekonomi melalui sektor pelancongan dan perdagangan selaras dengan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Di peringkat serantau khususnya *BIMP-EAGA* adalah satu pencapaian penting ialah pindaan protokol Memorandum Persefahaman Perkhidmatan Udara *BIMP-EAGA*. Melalui protokol ini beberapa destinasi baru telah dibuka termasuk Makassar, Indonesia, Sandakan, Tawau dan Mulu di Malaysia dan Cagayan di Aero di Filipina. MOU ini memberikan hal-hak trafik udara yang lebih *liberal* dengan memberikan hak kebebasan trafik kelima bagi destinasi-destinasi yang diperuntukkan kepada negara-negara *BIMP-EAGA*.

Sejajar dengan usaha memperluaskan jaringan penerbangan, syarikat Penerbangan Diraja Brunei kini mengendalikan operasi ke destinasi berikut dalam rantau *BIMP-EAGA* iaitu Kota Kinabalu 8 kali seminggu, Kuching 4 kali seminggu dan Balikpapan 2 kali penerbangan seminggu.

Untuk makluman setakat ini 40 perjanjian perkhidmatan udara atau *Air Services Agreement* secara dua hala telah pun ditandatangani oleh negara ini yang akan dapat lagi meningkatkan *connectivity* pengangkutan udara,

membukakan akses pasaran, meningkatkan kekerapan penerbangan dan memperluaskan rangkaian penerbangan serta membolehkan lebih banyak pilihan bagi penumpang.

Selain itu, Negara Brunei Darussalam juga merupakan *signatory* kepada *Multilateral Agreement on the Liberalisation of International Air Transport*. Perjanjian ini adalah perjanjian *open skies* yang sepenuhnya yang lebih *liberal* dan memudahkan akses pasaran penerbangan antarabangsa. Kementerian juga bekerjasama dengan pihak berkepentingan termasuk industri penerbangan bagi memperkukuh lagi laluan udara strategik dan menarik lebih banyak syarikat penerbangan untuk beroperasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Selaras dengan hasrat untuk menjadikan negara ini sebagai hab penerbangan serantau, Jabatan Penerbangan Awam menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan untuk beroperasi di negara ini dengan mendapatkan *foreign air operating certificate* melalui insentif-insentif yang diberikan seperti caj-caj perkhidmatan *aeronautical*. Setakat ini sebanyak enam syarikat penerbangan berjadual yang beroperasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Beralih kepada perancangan yang komprehensif bagi menaik taraf dan memartabatkan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sebagai *gateway* kepada negara.

Terlebih dahulu diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof. Peramba/kaola/saya memulakan dengan mengongsikan perangkaan dari segi pergerakan udara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang mana telah mencatat kadar pergerakan yang positif.

Rekod pergerakan penumpang di sepanjang tahun 2024 secara keseluruhan adalah sejumlah 1,464,245 orang penumpang. Dari segi kemampuan kapasiti lapangan terbang pada masa ini, ianya boleh menumpang sehingga 3 juta orang penumpang dan masih lagi mempunyai ruang bagi syarikat-syarikat penerbangan sama ada yang baru atau yang sedia ada untuk menjalankan operasi perkhidmatan penuh asalkan memenuhi syarat-syarat dan keperluan-keperluan penerbangan awam yang telah ditetapkan.

Berhubungan dengan itu, projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan keselamatan dengan membuat penambahbaikan prasarana di Lapangan Antarabangsa Brunei. Ini merangkumi menaik taraf infrastruktur dan kemudahan *aerodrome* serta sistem bantuan navigasi sedia ada yang akan meningkatkan lagi keselamatan operasi di lapangan terbang dan secara tidak langsung menggalakkan pembangunan mampan dan berdaya tahan bagi sektor pengangkutan udara.

Seterusnya beralih kepada pembangunan pelabuhan. Sukacita peramba/kaola/saya, merujuk perbincangan mengenai Rang Undang-Undang Perbekalan bagi Tahun Kewangan 2025/2026, yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Secara ringkas, sukacita menyentuh beberapa inisiatif berkaitan dengannya.

Satu adalah projek pengembangan dan pengubahsuaian Pelabuhan Muara. Terminal Kontena Muara yang baharu dijangka akan siap menjelang suku kedua 2027. Pembangunan Pelabuhan Muara ini adalah selari dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 dan juga objektif di bawah *Services Industry Roadmap*, untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai *hub* utama perdagangan, perkhidmatan dan logistik.

Sebagai contoh perkhidmatan menggunakan *non-conventional ship* jenis kumpit juga telah beroperasi secara berkala semenjak tahun 2023 ke pulau-pulau Filipina Selatan dan berhasrat untuk berkembang lagi dari segi kekerapan dan jenis barang yang dibawa.

Ini adalah inisiatif yang diterajui oleh pihak swasta dan pihak kerajaan atau pihak berkuasa, hanya sebagai pemudah cara untuk membolehkannya. Projek pengembangan dan pengubahsuaian Pelabuhan Muara juga akan merangkumi pembinaan Zon Perdagangan Pelabuhan, *Port Trade Zone* seluas 3.62 hektar, yang

direka untuk memudahkan proses pengimportan, pengeluaran dan pengeksportan bagi perniagaan yang menggunakan pelabuhan tersebut.

Selain dari itu, projek pembangunan fasiliti bersepadu, Penyelenggaraan Marin dan Pentauliah di Pulau Muara Besar, *Integrated Marine Maintenance and Decommissioning Yard*, juga diusahakan yang merangkumi pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan industri perkapalan.

Pihak *MPABD* juga telah merangka usaha-usaha pendigitalan perkhidmatan-perkhidmatan di bawah Sektor Maritim melalui *Maritime Single Window* yang disasarkan untuk dilaksanakan, *go live* pada bulan ini. Inisiatif tersebut merupakan langkah ke arah mengintegrasikan semua urusan aktiviti perkapalan dan Pelabuhan di Negara Brunei Darussalam melalui sistem digital dengan menggunakan platform berkenaan.

Melalui inisiatif-inisiatif dan usaha-usaha yang dikongsikan tadi, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi akan terus berusaha memperkukuh sektor pengangkutan bukan sahaja untuk meningkatkan kesaling hubungan tetapi juga untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi utama di rantau ini.

Dengan itu, peramba, kaola, saya, mengalu-alukan sebarang pandangan dan cadangan-cadangan baik yang boleh

sama-sama fikirkan demi kesejahteraan negara, rakyat dan penduduk serta meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Mohon penjelasan kali. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mengambil maklum usaha dalam kementerian memantau perkembangan, disebabkan potensi inisiatif sebagai *game changer*. Maaf.

(Yang Berhormat sedang duduk dan langsung berdiri)

Minta maaf, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

(Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengangguk kepala)

Disebabkan inisiatif ini berpotensi besar sebagai *game changer*, kaola berpandangan bahawa mungkin masanya untuk mengadakan pasukan khusus untuk memantau dan tidak *just doing business as usual*, takut-takut insiatif yang baik ini akan lepas dari Brunei.

Soalan kedua, Yang Berhormat Yang Di-Pertua izinkan. Memandangkan kitani punya cadangan untuk membanyakkan penerbangan mengenai lapangan terbang yang ada dalam kawasan bandar dan *business area* dan ada penerbangan kitani datang pada waktu malam dan mengganggu ketenteraman masyarakat setempat, apakah inisiatif-inisiatif yang akan diambil untuk mengatakan bahawa *there is* ada waktu *no flying zone* untuk memastikan ketenteraman *on the landing path* orang yang tinggal di bawah *landing path* kapal terbang?

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, atas soalan yang diajukan.

Berhubung dengan memantau perkembangan *integrated transport system* tersebut, anda juga dapat dikatakan *we are doing business as usual*. Sepertimana yang dikongsikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bekerjasama dengan khususnya pihak *BEDB* dan juga Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui *Industry Business Unit* untuk melihat peluang-peluang tersebut.

Tapi pada masa ini, usaha-usaha yang difokuskan adalah juga mengikut

produk atau barangan yang dikhususkan supaya ia tidak hanya seperti misal, saya kongsikan *whole chain* adalah merupakan salah satu usaha tertumpu, ianya meliputi melangkaui setiap sektor pengangkutan dari segi pengangkutan darat, udara dan juga perairan.

So, inilah salah satu usaha secara bersepadu yang ditunduki oleh pihak kerajaan dalam melihat peluang-peluang yang ada. Kita juga memantau dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku di rantau dan dari segi ini, kita tidak melihatnya sebagai satu *competition* tetapi adalah melengkapkan usaha-usaha kitani sendiri.

So, that is why ada perbincangan dengan pihak-pihak negara-negara jiran untuk macam mana kita dapat mengembangkan, mengembang maju bersama *rather than us competing with each other*. *So*, ini adalah salah satu perundingan-perundingan yang sedang dan sudah berlangsung pada masa ini.

Kedua, berhubungan dengan ketenteraman kepada penduduk disebabkan oleh operasi penerbangan lapangan terbang. Perkara ini akan ditunduki lagi sekali tapi pada masa ini, usaha kitani adalah untuk menambahkan lagi jumlah-jumlah penerbangan yang mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei jua tapi kan mengambil kira lah untuk *whether there is, because the slots-slots* yang kitani gunakan ini adalah juga melihat dari segi kesinambungan,

connectivity dengan *airport-airport* yang lain.

Itulah salah satu perkara yang akan perlu juga dipertimbangkan dalam mempertimbangkan untuk mengurangkan jumlah penerbangan di waktu malam tersebut. Sekian sahaja dahulu, Yang Berhormat yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Apakah langkah-langkah awal yang kementerian boleh buat bagi membolehkan Brunei meraih peluang-peluang perniagaan dan peluang-peluang pekerjaan bagi warga tempatan, mengambil kira manfaat Nusantara Kalimantan, ibu negara Indonesia yang baharu?

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:
Terima kasih Yang Di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin atas soalan mengenai dengan apa peluang-peluang yang dapat diraih oleh pekerja-pekerja tempatan mengenai dengan perkembangan di Nusantara.

Dalam hubungan ini, sukacita dimaklumkan bahawa dalam

mempertimbangkan pelan-pelan strategik dengan pertubuhan rangkaian sama ada ia melalui pelabuhan, udara dan juga rangkaian darat. Perkembangan nusantara adalah juga di ambil kira. Di mana di dalam perbincangan *in terms of opportunity-opportunity* yang boleh diraih.

Dalam hubungan ini, pengembangan Pelabuhan Muara adalah salah satu *opportunity* yang dapat dimanfaatkan. Melalui pelabuhan tersebut, *transshipment* melalui darat mungkin dapat diperkembangkan ke nusantara. Itulah diantara usaha-usaha atau perkara-perkara yang nya orang tidak dilupa pandanglah dalam mempertimbangkan strategi-strategi bagi negara dalam memperkembangkan sektor pengangkutan tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Kita sekarang beralih kepada soalan enam iaitu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Silakan Yang Berhormat Dato.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Bismillahir Rahmanir Rahim, Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Mohon izin kaola kan merujuk kepada apa tu kertas Perintah Harian ataupun Agenda Mesyuarat pada hari ini iaitu Perkara dua pertanyaan bagi jawapan

lisan bagi soalan 2.6, 2.7, 2.8, 2.9 dan kaola mohon izin untuk dapat menjawab soalan-soalan ini kerana soalan-soalan yang dibangkitkan berkaitan mengenai dengan peranan Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat Menteri Pembangunan akan menjawab soalan 6, soalan 7, soalan 8 dan soalan 9. Yang Berhormat Dato.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Kaola, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ya. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Pertama, bagi menjawab soalan pertama daripada Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann mengenai peranan dan inisiatif Jabatan Perancang Bandar dan Desa, TCP dalam pemberitaan perancangan bandar. Jabatan Perancang Bandar dan Desa, TCP berperanan sebagai autoriti perancang yang bertanggungjawab terhadap Perancangan Guna Tanah dan Kawalan Pembangunan di negara ini.

Di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248, Jabatan ini dipertanggungjawabkan untuk menyediakan pelan-pelan perancangan Guna Tanah di peringkat negara, daerah

dan setempat dalam memandu hala tuju penggunaan tanah dan pembangunan dinegara ini.

TCP menghala tuju perancangan guna tanah dan mengawal kemajuan fizikal agar pembangunan dirancang lebih teratur. Setiap kawasan dimajukan mengikut zon guna tanah yang ditetapkan seperti zon perumahan, komersial, perindustrian, pertanian demi pembangunan yang lebih sistematik dan berdayatahan.

Dengan perancangan ini, TCP dapat mengimbangkan tuntutan pembangunan dengan sumber tanah yang ada dinegara ini agar penggunaan tanah yang optimum dapat dicapai. Selaras dengan peranan ini, TCP telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan pemberitaan iaitu penyebaran maklumat dan pendedahan kepada orang awam serta pihak berkepentingan mengenai perancangan dan projek pembangunan bandar dan desa.

Antara usaha ini ialah pertama, sesi dialog bersama pihak-pihak yang berkepentingan. TCP secara berkala mengadakan dialog perbincangan kumpulan fokus, *focus group discussion* dan sesi terbuka dengan agensi kerajaan, swasta dan orang awam termasuk para belia bagi memberitakan proses perancangan kemajuan.

Sebagai contoh *Focus Group Committee* Penyediaan Pelan Pembangunan Bagi Pelan Pekan Seria telah diadakan sebagai *public reachout* pada 6 Februari 2025

bulan lepas di samping perbincangan bersama Jabatan Daerah Belait dan Bandaran Belait Seria bagi perancangan Daerah Belait pada 14 Oktober 2024.

Di samping itu, *TCP* telah mengadakan sesi terbuka awam bersama para belia di Daerah Belait pada 26 November 2024 dan 21 Januari 2025 bertempat di Jabatan Daerah Belait. Sesi yang sama juga telah diadakan bersama para belia di Daerah Tutong bertempat di Kompleks Kemasyarakatan Tutong pada 16hb Januari 2024 untuk memberikan pengetahuan kepada para belia tentang fungsi *TCP* dalam pembangunan mampan dan mendapatkan pandangan mereka mengenai isu pembangunan setempat. Para belia ini merangkumi belia dari agensi swasta, perwakilan persatuan-persatuan belia di daerah-daerah berkenaan.

Kedua, pameran dan publisiti mengenai perancangan pembangunan, *TCP* turut menganjurkan pameran perancangan bagi mendekatkan perancangan bandar kepada masyarakat. Sebagai contoh, bersempena Hari Perancangan Bandar Sedunia, *TCP* telah menganjurkan pameran interaktif selama 3 hari iaitu daripada 15 hingga ke 17 November 2024 di Times Square, Berakas yang bertujuan memberigakan peranan Perancangan Guna Tanah dan Kawalan Pembangunan kepada orang ramai.

Semasa sesi terbuka awam belia di Tutong pada tahun 2024, *TCP* telah menyediakan pameran tentang

perancangan Guna Tanah di Daerah Tutong untuk memberi pendedahan langsung kepada para belia mengenai pelan-pelan pembangunan yang telah disediakan. Inisiatif seperti ini membantu masyarakat memahami rancangan pembangunan yang dirancang di peringkat daerah.

Ketiga, penggunaan media masa dan platform dalam talian, *TCP* juga memanfaatkan media digital bagi menyebarkan maklumat perancangan sebagai contoh sempena 50 tahun penubuhan *TCP*. Jabatan ini telah menyiarkan dokumentari khas di Radio Televisyen Brunei serta penyertaan rancangan TV seperti Rampai Pagi dan Liputan Semasa untuk mengetengahkan peranan perancangan bandar kepada orang ramai.

Di samping itu, *TCP* berkongsi maklumat terkini melalui laman sesawang rasmi dan media sosial seperti Instagram untuk menggalakkan orang ramai dan pemaaju mengetahui Dasar Perancangan Guna Tanah, deraf pelan tempatan serta projek-projek pembangunan bandar yang dirancang.

Langkah pemberigaaan yang berterusan ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai terhadap perancangan bandar, malah menggalakkan sokongan dan kerjasama mereka dalam merealisasikan visi pembangunan yang mampan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bagi menjawab soalan kedua dari Yang

Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin mengenai peningkatan *connectivity* kawasan Gadong, Kiulap.

Kementerian Pembangunan mengambil berat pentingnya keselamatan pengguna jalan raya termasuk pejalan-pejalan kaki yang berhampiran dengan jalan raya sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, tidak dapat dinafikan bahawa pertambahan kenderaan dan kurangnya *connectivity* hubungan jalan termasuk antara kawasan komersial di Gadong dan Kiulap pada masa ini, menyumbang kepada kesesakan lalu lintas dan meningkatkan risiko keselamatan pejalan kaki.

Berdasarkan faktor ini, di samping permintaan yang semakin meningkat untuk pembangunan baru di kawasan Kiulap, aspek memperbaiki *connectivity* antara Gadong, Kiulap dan Menglait diambil kira oleh TCP dalam Skim Perancangan Kawasan Komersial Kiulap dan Skim Perancangan Kawasan Komersial Menglait.

Perancangan ini juga telah diberigakan kepada orang ramai semasa pameran sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2024 pada 15 hingga 17 November 2024 yang dilaksanakan di *Times Square*, Berakas.

Antara perancangan di bawah skim-skim ini termasuklah pembinaan jalan penghubung baharu untuk mengurangkan *bottleneck* lalu lintas antara Gadong dan Kiulap yang

diharapkan dapat memperbaiki aliran trafik di samping rancangan laluan pejalan kaki yang menghubungkan kedua-dua pusat komersial tersebut.

Matlamatnya adalah untuk mewujudkan pembangunan masa depan di kawasan komersial tersebut dirancang dengan harmoni dan berintegrasi dengan baik bersama kawasan sekitar sekali gus memupuk persekitaran yang kondusif untuk perniagaan.

Maklumat lanjut berkenaan skim perancangan ini juga disebar dan juga boleh diakses oleh orang ramai melalui laman *web* dan *Instagram* Jabatan Perancang Bandar dan Desa, TCP.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, bagi menjawab soalan ketiga daripada Yang Berhormat Dayang Chong Ching Yee mengenai pembangunan tanah bercampur untuk pembangunan mampan dan pertumbuhan ekonomi tempatan.

Konsep pembangunan tanah secara bercampur *mixed-use development* dikenal pasti sebagai salah satu strategi guna tanah optimum yang inklusif dalam rancangan pembangunan daerah dan pelan setempat.

Beberapa kawasan sudah menerapkan konsep pembangunan bercampur sebagai contoh Kiulap, Gadong dan Batu Satu di mana terdapat campuran premis perniagaan, perumahan, institusi serta

kemudahan awam dalam lingkungan berdekatan.

Matlamatnya adalah untuk mewujudkan persekitaran yang mampan dan inklusif dalam mana para penduduk boleh bekerja, beriadah dan menempatkan perkhidmatan dalam tempat yang sama dan mendapatkan perkhidmatan dalam tempat yang sama.

Di samping itu, perusahaan tempatan juga mendapat manfaat daripada peningkatan aktiviti ekonomi setempat. Dari sudut ekonomi MSME iaitu perniagaan mikro, kecil dan sederhana, pembangunan bercampur menyediakan peluang dan ruang perniagaan yang lebih dekat dengan masyarakat setempat. Ini diharapkan mendorong lagi pertumbuhan perniagaan kecil. Kerajaan menyokong konsep ini melalui dasar perancangan dan penyediaan zon khusus untuk kegiatan komersial dan perusahaan.

Dengan ini, TCP telah mengenal pasti zon-zon perniagaan dan perindustrian tertentu bagi menggalakkan perkembangan MSME. Antaranya termasuk tapak-tapak perindustrian di bawah kelolaan agensi seperti BEDB iaitu *Brunei Economic Development Board*. Contoh tapak industri yang disediakan ialah di Tanjong Kajar, Mumong dan Sungai Bera. Kawasan-kawasan ini dilengkapi infrastruktur asas untuk membolehkan usahawan tempatan menjalankan perusahaan mereka.

Pada masa yang sama, ke arah memperkasa perancangan bandar agar lebih berimpak, antara inisiatif terbaharu di kawasan *TCP* ialah Pelan Induk Pejalan Kaki. Pelan induk ini memfokuskan pembentukan rangkaian laluan pejalan kaki mesra pengguna di kawasan komersial utama.

Secara keseluruhannya, Pelan Induk Pejalan Kaki merangkumi jaringan dari kawasan Perniagaan Jaya Setia hingga ke Pusat Bandar Seri Begawan bertujuan menjadikan kawasan bercampur lebih mudah diakses pejalan kaki dan menggalakkan budaya berjalan kaki.

Usaha awal telah dimulakan dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya untuk meningkatkan konektiviti berjalan kaki di sekitar kompleks bangunan kerajaan Lapangan Terbang Lama Berakas dan akan diperluaskan ke kawasan komersial lain seperti Jaya Setia. Dari segi proses perancangan, Kementerian Pembangunan melalui TCP turut melibatkan pandangan pelbagai *stakeholders* seperti yang disebutkan tadi sesi dialog bersama agensi kerajaan dan swasta.

Perbincangan kumpulan fokus antara agensi berkaitan di samping *survey* untuk orang ramai telah dibuat agar input masyarakat dan pihak berkepentingan diambil kira dalam merancang ruang dan menyokong ekonomi tempatan. Langkah-langkah ini memastikan pelaksanaan pembangunan bercampur lebih berkesan. Dengan sokongan dan kerjasama ini, konsep pembangunan

bercampur Insya-Allah akan dapat meningkatkan *livability* kawasan bandar dan menjana peluang kepada *MSME*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan, bagi menjawab soalan keempat daripada Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat mengenai garis panduan pembangunan sekolah dan mekanisme kelulusan projek berhampiran institusi pendidikan.

Bagi menjamin keselamatan pelajar dan kelancaran lalu lintas di kawasan sekolah, beberapa garis panduan dan projek telah dilaksanakan. Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah meneliti semula dan mengeluarkan garis panduan khusus berkaitan pembangunan sekolah. Hasilnya, dua dokumen panduan utama disediakan pada tahun 2020 iaitu:-

Pertama, garis panduan pengenalan pastian tapak sekolah yang menetapkan kriteria dalam mengenal pasti tapak yang sesuai untuk pembinaan sekolah sama ada sekolah kerajaan ataupun sekolah swasta. Panduan ini dijadikan rujukan bagi memastikan lokasi sekolah baharu adalah strategik dan tidak menimbulkan isu keselamatan atau masalah trafik; dan

Kedua ialah garis panduan dan piawaian perancangan bagi sekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak. Garis panduan ini menggariskan piawaian reka bentuk dan keperluan infrastruktur untuk projek pembangunan sekolah serta pusat jagaan kanak-kanak.

Ini ia digunakan sebagai rujukan dalam proses permohonan kebenaran perancangan agar setiap cadangan pembangunan institusi pendidikan memenuhi syarat keselamatan dan kelancaran trafik yang ditetapkan.

Garis panduan - garis panduan ini memastikan bahawa perancangan tapak dan reka bentuk sekolah mengambil kira faktor seperti keluasan letak kereta mencukupi, laluan khas untuk menghantar menjemput pelajar serta akses keluar masuk yang teratur dari jalan utama. Ini penting untuk mengelakkan kesesakan semasa waktu persekolahan dan mengurangkan risiko keselamatan terhadap pelajar.

Di samping panduan untuk sekolah baharu, usaha penambahbaikan sekolah turut dilaksanakan. TCP bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk menyusun semula lokasi sebuah sekolah yang didapati kurang sesuai dari segi impak trafik dan keselamatan. Projek penempatan semula ini merupakan inisiatif berterusan antara TCP dan Kementerian Pendidikan khususnya bagi sekolah yang terlalu hampir dengan jalan raya utama sehingga menimbulkan risiko kepada pelajar dan pengguna jalan raya.

Sebagai contoh, tapak baharu seluas 6 ekar di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Mata-Mata Gadong telah dikenal pasti dan diluluskan pada tahun 2009 untuk memindahkan Sekolah Sinar Matahari ke lokasi tersebut.

Di samping itu, Sekolah DES di Kampung Serusop dipindahkan ke tapak 2 ekar yang diluluskan pada tahun 2014 dan tambahan keluasan lagi sebanyak 0.83 ekar pada 2024 untuk mengembangkan keluasan sekolah berkenaan.

Maka dari sudut infrastruktur fizikal di kawasan sekolah beberapa peningkatan telah dibuat bagi menjamin keselamatan pelajar. Jejantas pejalan kaki juga disediakan di lokasi-lokasi berdekatan sekolah yang terletak di tepi jalan utama bagi membolehkan pelajar melintas dengan selamat tanpa mengganggu aliran lalu lintas dan untuk pembinaan jejantas pejalan kaki ini ada beberapa lagi jejantas yang di dalam perancangan untuk dibina yang melibatkan beberapa sekolah di kawasan Daerah Brunei dan Muara khususnya.

Sebagai satu contoh ialah sebuah jejantas baharu di Jalan Gadong, Kampung Jangsak berdepan Masjid Jubli Perak dan berdekatan Sekolah Seri Mulia Sarjana telah didirikan pada tahun 2023. Jejantas ini bertujuan meningkatkan keselamatan menyeberang jalan bagi pelajar sekolah serta membantu melancarkan aliran trafik dan terutama sekali untuk mengurangkan pelajar-pelajar daripada menyeberang jalan raya utama.

Insyallah usaha akan diteruskan bagi memantau kepatuhan kepada garis panduan dan meningkatkan lagi aspek keselamatan di kawasan sekolah demi kesejahteraan dan keselamatan para

pelajar dan pengguna jalan raya Yang Berhormat Yang Di-Pertua itulah jawapan yang kaola berikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Tidak ada soalan tambahan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Di-Lantik. Dengan itu, kita beralih sekarang kepada soalan yang ke-10, soalan yang ke-10 ini adalah soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam dan ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. (*Doa dibaca*) Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Alhamdulillah. Terima kasih atas pertanyaan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam berhubung dengan penubuhan penjagaan pesakit ke rumah-rumah dengan kos yang berpatutan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan sememangnya ada memberikan beberapa kategori perkhidmatan penjagaan kesihatan ke rumah-rumah pesakit mengikut kriteria-kriteria tertentu.

Pada masa ini, terdapat dua kategori utama bagi perkhidmatan lawatan ke

rumah-rumah yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan, iaitu *home based nursing* dan *home nursing*.

Home based nursing diberikan kepada rakyat dan penduduk tetap yang memenuhi beberapa kriteria tertentu seperti mereka yang *bed bound* atau disahkan *house bound* oleh profesional kesihatan yang memerlukan penjagaan kesihatan secara berkala di peringkat komuniti, contohnya mereka yang *bed bound* atau *house bound* yang memerlukan prosedur seperti *nasogastric tube change*, *urinary catheter tube change*, pemeriksaan tekanan darah atau pengambilan darah.

Home nursing pula adalah lawatan ke rumah-rumah khusus bagi kesemua ibu-ibu yang baru di *discharged* dari *postnatal ward*. Di mana tujuan lawatan adalah untuk memastikan ibu dan anak damit yang baru di *discharged* tersebut adalah dalam keadaan yang sihat dan selamat.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang disebutkan ini diberikan oleh jururawat-jururawat yang terlatih berdasarkan *Standard Operating Procedure* yang tertentu. Jika terdapat keperluan tambahan jururawat-jururawat ini akan bekerjasama dengan doktor-doktor dan Profesional Kesihatan Bersekutu berkenaan termasuklah *medical social worker*.

Dalam usaha Kementerian Kesihatan memberikan perkhidmatan yang berkualiti pada waktu yang sama

personalised kepada keperluan pesakit tersebut dan perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah diberikan secara percuma.

Alhamdulillah, kebelakangan ini terdapat jua perkhidmatan jururawat swasta yang mengendalikan penjagaan pesakit di rumah untuk membantu keluarga mengendalikan pesakit dan boleh meringankan beban keluarga yang telah menjaga sepanjang hari serta mengurangkan risiko *carer fatigue*. Perkhidmatan ini lazimnya dikenakan *charge* dengan kadar yang sedikit tinggi mengambil kira sebahagiannya adalah jurulatih terlatih, jururawat terlatih dan tanpa banyak saingan dalam penyediaan perkhidmatan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan pada masa ini sedang bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam Program *Caregiver* yang dilaksanakan oleh Institut Pendidikan Teknikal Brunei, IBTE untuk mempersiapkan individu sebagai penjaga pesakit dan seterusnya membuka peluang kepada pencari pekerjaan bagi menceburkan diri dalam bidang ini.

Pada peringkat awal, latihan yang dirancang ini dibukakan kepada ahli keluarga pesakit sahaja bagi membolehkan mereka menjaga pesakit dengan betul dan selamat dengan diberikan latihan-latihan khusus.

Latihan asas dan jangka pendek ini dianggarkan akan memakan masa tiga hari sahaja dan dijangka akan dapat dimulakan dalam masa terdekat. Dalam jangka masa Panjang, penjaga pesakit berkenaan akan digalakkan untuk menjalani latihan yang lebih mendalam lagi bagi memperluaskan lagi keupayaan mereka dalam penjagaan pesakit yang terlantar di rumah-rumah agar lebih terjamin kualiti perkhidmatan yang diberikan.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga mengendalikan latihan di hospital-hospital bagi membantu jururawat mengendalikan pesakit di wad-wad khususnya di Unit Rawatan Rapi atau pun ICU.

Kakitangan ini diambil bekerja melalui syarikat tempatan yang dilantik secara kontrak dan dinamakan *Clinical Care Assistant or CCA* yang mana telah dilatih untuk membantu jururawat mengendalikan *bed turning* untuk pesakit yang terlantar, menolong jururawat mamandikan atau membersihkan pesakit dan menukar baju pesakit. Setakat ini kira-kira 140 orang belia telah dilantik sebagai CCA melalui inisiatif tersebut.

Kementerian Kesihatan mengalu-alukan syarikat swasta tempatan menyediakan perkhidmatan seperti *Clinical Care Assistant or CCA* yang mana boleh dilaratkan kepada penjagaan pesakit di rumah dan di *hospital* secara persendirian mengikut keperluan masing-masing.

Dengan adanya belia-belia yang berminat memberikan perkhidmatan ini insya-Allah kos penjagaan pesakit di rumah boleh menjadi lebih berpatutan dan dapat diakses dengan lebih mudah. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang ke sebelas, iaitu daripada Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee juga kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera sekali lagi.

Alhamdulillah terima kasih atas pertanyaan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee berhubung dengan pelaksanaan sistem perlabelan minuman.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sejak tahun 2017, inisiatif Logo Pilihan Lebih Sihat Brunei Darussalam telah diperkenalkan sebagai langkah untuk membantu pengguna membuat pilihan makanan dan minuman yang lebih sihat. Makanan dan minuman pra bungkus yang memenuhi kriteria *nutrient* yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan layak untuk memohon dan dianugerahkan logo ini.

Logo Pilihan Lebih Sihat Brunei adalah sebahagian daripada BRUMAP-NCD yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang permakanan sihat. Melalui inisiatif ini pengguna dapat mengenal pasti produk yang lebih sihat dengan lebih mudah ketika membeli-belah di pasar raya.

Sepanjang pelaksanaannya Logo Pilihan Lebih Sihat telah dijalankan secara sukarela *or voluntary*. Berdasarkan data permohonan, kategori minuman merangkumi sekitar 60% daripada jumlah keseluruhan permohonan.

Minuman yang mengandungi kurang daripada 5 gram dalam 100ml layak untuk mendapatkan logo ini sejajar dengan usaha menggalakkan pengambilan kadar minuman yang lebih sihat dalam kalangan pengguna. Cukai eksais terhadap minuman tinggi gula juga telah diperkenalkan di negara ini pada 1 April 2017 oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Pindaan kepada kadar *Duty Import* Kastam dan Eksais pada, Mei 2023 iaitu mengenakan cukai sebanyak \$4 setiap 10 liter minuman yang mengandungi gula.

Perlabelan mandatori bagi kandungan gula, garam dan lemak dalam makanan dan minuman adalah salah satu tindakan di bawah *Cross-Functional Team for Improving Brunei's Food Environment* dan salah satu inisiatif di bawah Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019 - 2023, iaitu *strategic goal* yang kedua,

iaitu Pencegahan dan Pengawasan Penyakit-Penyakit yang Tidak Berjangkit. Untuk pelaksanaannya, pelabelan mandatori memerlukan pindaan terhadap Akta Makanan yang sedia ada.

Di samping itu, faktor kos seperti analisis makmal dan perubahan pembungkusan produk juga perlu diambil kira terutamanya bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana tempatan. Walau bagaimanapun, penggunaan label dari negara lain yang sudah mempunyai sistem pelabelan serupa tidak menjadi masalah dan ini boleh digunakan bagi memudahkan proses pengimportan.

Oleh itu, perbincangan lanjut bersama Autoriti Makanan Brunei Darussalam, industri makanan dan minuman serta pihak berkepentingan lain perlu diadakan bagi menilai keperluan dan cabaran sebelum bergerak ke arah pelabelan mandatori.

Namun salah satu langkah yang penting dalam mencegah peningkatan diabetes adalah melalui kesedaran awam secara menyeluruh untuk membuat pilihan makanan dan minuman yang sihat serta menyertai saringan kesihatan yang sedia ada. Sekian, Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-

Pertua. Mohon pencerahan merujuk dengan inisiatif menaikkan cukai minuman yang mengandungi gula. Kaola sebagai *committee member* dalam inisiatif *lateral* itu mengetahuinya mungkin orang umum, orang awam belum mengetahuinya.

Bolehkah kementerian memberigakan sejauh mana inisiatif menaikkan cukai gula dapat mengubah pengambilan gula keseluruhannya dan apakah ada inisiatif-inisiatif untuk menaikkan cukai-cukai pada *food additives* yang telah dikenal pasti yang menyumbangkan kepada penyakit-penyakit dan *chemical diseases* yang meningkat dalam negara Brunei. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin. Secara ringkasnya, pada pemulaan *duty tax* untuk gula mula diperkenalkan, Alhamdulillah, pengambilannya pada mulanya berkurangan dan pengambilan air yang banyak. Walau bagaimanapun setelah beberapa tahun, ianya naik balik semula dan ada pindaan akta selepas itu di mana Jabatan Kastam dan Eksais Diraja mencukai semua minuman yang ada gula, inda semestinya yang kurang 5-gram apani atu saja yang dikecualikan.

Walaupun bagaimanapun dengan bermulanya cukai ke atas gula tadi atu, ia telah mengubah *or rather nudge the industry* dengan sendirinya, ia inda mau membayar cukai dikurangkannya gula.

So, most kebanyakan minuman sekarang peratus gulanya sudah menurun dan ini adalah salah satu inisiatif di mana *rather* than menukar pemikiran pengguna ia menukar pemikiran pembuat dan impaknya kita perlu melihat secara lebih panjang lagi Yang Berhormat.

Sekian, atu saja terima kasih dan mengenai dengan makanan lain, Insha Allah masani seperti Yang Berhormat pun faham, *from cross-functional team* masa ani ditimbangkan sama ada makanan-makanan lain perlu diberikan *tax* seperti mi segera kah, coklat kah dan sebagainya. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih. Soalan kedua belas iaitu dari Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee yang ditujukan kepada Menteri Pendidikan. Sebenarnya soalan ini telahpun di jawab oleh Menteri Pendidikan melalui kenyataan Yang Berhormat Menteri berkenaan sebelum ini walau bagaimanapun saya ingin membuka peluang bagi Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee ataupun Yang Berhormat yang lain untuk menyuarakan sebarang soalan tambahan sekiranya perlu.

[Tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat mengajukan soalan tambahan]

Jadi kita beralih sekarang kepada urusan yang lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita beralih kepada urusan mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Kenyataan Menteri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya telah memberi izin bagi Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk membuat Kenyataan Menteri yang bertajuk Pelaksanaan dan Perancangan Strategik Pembasmian Kemiskinan.

Setentunya tajuk ini telahpun kita bincangkan dan di suarakan di dalam Dewan ini beberapa kali dan sekarang adalah berpatutan perkara ini kita mendengar Kenyataan Menteri yang berkenaan mengenainya secara tepat. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: *(Doa dibaca).*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada kaola untuk menyampaikan kenyataan bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Terlebih dahulu kaola mewakili Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan penuh hormat dan takzim

menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi penyediaan Perbelanjaan Tahun Kewangan 2025/2026 yang mana berjumlah \$81,701,490.

Seperti yang dimaklumi, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai empat bidang utama yang meliputi Pembangunan dan Perkembangan Belia di bawah Sektor Kebelaaan, Pembangunan dan Kecemerlangan Sukan di bawah Sektor Kesukanan, Pelestarian Budaya, Warisan dan Sejarah di bawah Sektor Kebudayaan dan Pemedulian Kebajikan serta Kesejahteraan Masyarakat di bawah Sektor Kemasyarakatan dalam mana salah satu cabaran besar di bawah bidang ini ialah Pembasmian Kemiskinan.

Oleh itu, kaola amat bersyukur Tema Tahun Kewangan 2025/2026 ini iaitu Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur adalah amat bertepatan sekali dengan usaha berterusan ke arah mencapai matlamat Bangsa Brunei Cemerlang dan selari dengan misi kementerian ini iaitu Membina Masyarakat Yang Berbudaya, Berdayatahan, Berdaya Saing, Bertanggungjawab dan Pemedulian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kenyataan kaola akan memfokuskan kepada isu-isu yang berkaitan dengan Pelaksanaan dan

Perancangan Strategik Pembasmian Kemiskinan.

Kita memahami bahawa kemiskinan melibatkan cabaran sosio-ekonomi yang kompleks dalam mana matlamat untuk membasminya dan mengeluarkan golongan sasaran yang kurang berkemampuan dari kitaran kemiskinan adalah tugas yang memerlukan pendekatan secara holistik dan penglibatan seluruh negara secara konsisten dan berterusan.

Penerangan kepada isu-isu ini sekaligus akan menjawab soalan-soalan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik kerana ianya adalah isu yang berkaitan iaitu PL18 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, PL32 daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam, PL44 daripada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dan PL137 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusuf.

Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik atas soalan-soalan tersebut.

Dalam bidang kemasyarakatan, fokus strategik utama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah bagi meningkatkan program-program mengembang maju masyarakat cemerlang, bersatu padu, *resilient* dan pemedulian melalui pengurangan kadar kemiskinan dan peningkatan mandiri

serta sosioekonomi golongan sasaran, pengukuhan intervensi merentas sektor dalaman dan hubungan kerjasama serantau serta antarabangsa.

Dalam melaksanakan usaha pengurangan kadar kemiskinan ini, ianya setentunya memerlukan pendekatan yang strategik berasaskan data maklumat yang tepat dan penyelarasan yang berkesan. Jadi untuk itu, 3 pendekatan utama yang saling melengkapi antara satu sama lain adalah digunapakai.

Pertama, menjalin kerjasama rapat melalui Majlis Kebangsaan Isu Sosial ataupun sering dikenali sebagai MKIS sebagai badan penyelarasan utama isu sosial senegara antara agensi-agensi termasuk membasmi kemiskinan secara inklusif dan komprehensif serta memastikan usaha-usaha setiap usaha adalah berimpak dan berkesan.

Pertama Majlis ini mula ditubuhkan pada 8 April 2008 dan bersidang sekurang-kurangnya dua kali setahun. Ahli-ahli kepada Majlis ini adalah terdiri daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan selaku Pengerusi iaitu kaola sendiri, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku juga Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Antara dua belas isu sosial yang dikenal pasti perlu ditangani adalah seperti isu rumah daif, pengangguran, kemiskinan, keluarga, wanita, kanak-kanak, orang kelainan upaya atau OKU dan warga emas yang dipantau melalui Jawatankuasa Khas masing-masing dengan menggunakan pelan-pelan tindakan berkenaan dengan isu-isu yang telah kaola nyatakan.

Sejak penubuhan MKIS antara lain pencapaian yang signifikan berkenaan dengan strategi pembasmian kemiskinan adalah seperti penyelidikan mengenai kemiskinan yang telah dilaksanakan pada tahun 2010. Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan bermula dari 2013 dan dikaji semula setiap 5 tahun dan penubuhan Sistem Kebajikan Negara iaitu SKN pada 15 Julai 2020.

Kedua, melaksanakan Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan bagi tempoh 2020-2024 dengan berkesan berpandukan kepada visi mengurangkan kebergantungan kepada bantuan bagi melahirkan masyarakat yang berdikari dan berdaya tahan. Pelan Tindakan ini merupakan rangka kerja strategik yang menyeluruh untuk menentukan hala tuju strategi pengupayaan, pemeraksanaan, penglibatan dan juga perlindungan yang berasaskan bukti dan amalan terbaik.

Sukacita kaola kongsi antara pencapaian utama setakat Disember 2024 adalah di bawah Program Keusahawanan dan Pekerjaan, seramai 204 orang penerima bantuan telah menceburi bidang keusahawanan

dengan bimbingan bantuan modal berupa *micro grant*. Kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah lebih \$130,000 atau khususnya \$130,770 bagi Program Pengupayaan Keusahawanan sejak 5 Tahun Kewangan secara kebelakangan.

Ini sebagai penambah kepada semua usaha yang juga dilaksanakan oleh agensi-agensi lain seperti Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal atau ringkasnya JUZWAB, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Bank Islam Brunei Darussalam, *BIBD*. Sejumlah 504 orang penerima bantuan termasuk anak-anak atau tanggungan mereka telah dimasukkan ke dalam program pelan pekerjaan melalui program latihan dan pepadanan pekerjaan atau *job matching* dengan sektor swasta.

Manakala kerjasama dengan Pusat Pekerjaan Brunei, *Job Centre Brunei* telah memperkukuh usaha dalam membantu menerima bantuan mendapatkan pekerjaan. Sehingga kini, seramai 1,914 orang penerima bantuan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat, JAPEM, JUZWAB dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah berdaftar dengan JCB ataupun *Job Centre*.

Daripada jumlah tersebut, 276 individu telah dikenalpasti sebagai pencari kerja yang aktif, manakala 310 penerima bantuan telah berjaya dipadankan dengan pekerjaan melalui inisiatif pepadanan pekerjaan atau *job matching*.

Usaha ini mencerminkan komitmen yang berterusan dalam memastikan golongan yang memerlukan dapat berdikari melalui peluang pekerjaan yang bersesuaian. Di bawah Program Latihan Kemahiran dan meningkatkan kebolehpasaran, penerima bantuan diberikan akses kepada Kursus Kemahiran dan Sijil Penyertaan bagi meningkatkan peluang pekerjaan.

JAPEM, Pusat Pembangunan Belia, *Darussalam Enterprise*, *DARE*, *Livewire Brunei* dan Big Begawan telah bekerjasama dalam program latihan kemahiran khusus untuk penerima Bantuan Kebajikan Bulanan, BKB bagi meningkatkan kebolehpasaran dan menggalakkan kemandirian ekonomi mereka.

Inisiatif pepadanan kerja atau *job matching* membantu mempercepat peralihan dari golongan yang menerima bantuan *able bodied*, *able to work* yang belum mendapatkan pekerjaan kepada satu golongan tenaga kerja yang produktif. Dan pada tahun 2024, seramai 223 golongan sasaran telah menyertai Latihan Kemahiran berbanding 59 orang pada tahun 2023.

Ketiga, memaksimumkan penggunaan Sistem Kebajikan Negara, SKN sebagai mekanisme sistem dan proses digital yang memberikan sokongan bagi pengumpulan data dan maklumat serta penganalisaan data yang teratur dan sistematik. Ini diperlukan bagi memberikan keperluan intervensi sebenar, tepat dan inklusif.

Jadi, kaola sukacita mengongsikan semenjak penubuhannya pada Julai 2020, setakat bulan Mac 2025 telah direkodkan seramai lebih 68,000 permohonan bantuan telahpun diterima melalui sistem SKN. Lebih 30,000 permohonan Bantuan Kebajikan Bulanan, BKB telah dihadapkan kepada JAPEM dan lebih 36,000 telah dihadapkan kepada JUZWAB.

Jadi, sukacita dikongsikan bagi permohonan yang diterima oleh JAPEM sebanyak 87% telahpun selesai diproses dan selebihnya sedang dalam proses. Kemudian sebanyak 13,000 permohonan Bantuan Kebajikan Bulanan telah diluluskan dalam mana lebih 12,000 permohonan dihulurkan bantuan kewangan dan hampir 300 permohonan dihulurkan bantuan secara *in-kind*.

Manakala permohonan yang diluluskan secara keseluruhan iaitu dibawah JAPEM dan JUZWAB ialah sebanyak lebih 23,000. Dikongsikan juga, bantuan keperluan persekolahan tahunan BKPT yang merupakan bantuan kerajaan secara *in-kind* diberikan kepada pelajar-pelajar sekolah kerajaan dan dikeluarkan dalam bentuk kupon oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Semenjak diserapkan ke dalam SKN pada tahun 2022, lebih dari 25,000 pelajar dari golongan penerima bantuan dibawah JAPEM mahupun JUZWAB telah pun menerima kupon BKPT yang bernilai diantara \$110 hingga \$240. Jadi secara terkumpul, sebanyak lebih \$4 juta telah dibelanjakan bagi bantuan ini atau lebih

tepatnya lagi \$4.6 juta telah dibelanjakan bagi bantuan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan adanya kerjasama dan pendekatan yang sepadu ini, kita berada dalam kedudukan yang kukuh dan dalam landasan yang betul untuk mengeluarkan golongan sasaran yang kurang berkemampuan dari kitaran kemiskinan dan seterusnya mencapai pengurangan kadar kemiskinan serta mencapai aspirasi membina masa depan yang lebih makmur bagi semua dan seluruh lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, setiap pencapaian yang memberangsangkan masih berdepan dengan cabaran-cabaran. Cabaran-cabaran yang boleh mengurangkan keberkesanan pelaksanaan strategi yang kaola gariskan tadi.

Antara usaha yang diperlukan adalah pertama, memantapkan *mindset* iaitu sikap individu yang berkenaan dan ketersediaan penerima bantuan dalam mana perlunya perubahan sikap ke arah lebih positif dan lebih berkarih dalam mencari peluang dan memanfaatkan perkhidmatan serta akses kepada program-program pembangunan kapasiti yang disediakan ini.

Kementerian ini akan terus mengadakan program motivasi, kaunseling, jati diri dan *resilient* bagi membina keyakinan diri setiap individu penerima bantuan. Di samping itu, menjana petugas-petugas yang lebih profesional dan

berkemahiran dalam bidang yang diperlukan supaya dapat memberikan kualiti perkhidmatan yang lebih berkesan.

Kedua, mengukuhkan keperluan sokongan infrastruktur melalui kerjasama agensi-agensi yang berkepentingan bagi bantuan perumahan dan pengangkutan. Kekurangan kemudahan ini memberi impak kepada kualiti kehidupan setiap individu penerima bantuan dari aspek keselesaan dan kesejahteraan.

Sebagai contoh, satu keluarga yang kurang berkemampuan, tidak mempunyai tempat tinggal yang selesa, setentunya situasi seperti ini akan menjejaskan keupayaan anak-anak untuk belajar dengan berkesan dan juga akan dapat mendatangkan impak kepada keharmonian hidup berkeluarga.

Di samping itu, ketiadaan pengangkutan akan setentunya menjejaskan keupayaan seseorang untuk mendapat dan mengekalkan sumber pekerjaan atau apa jua aktiviti keusahawanan dan menghadiri program-program pembangunan kapasiti.

Ketiga, meningkatkan sokongan bagi penjagaan anak dalam mana isu penjagaan anak kecil membatasi penerima bantuan terutamanya golongan ibu bapa tunggal untuk membolehkan mereka mengikuti latihan atau melibatkan diri dalam keusahawanan dan pekerjaan. Dalam perkara ini, pihak MKIS sedang meneliti

beberapa cadangan seperti keperluan penyediaan pusat penjagaan anak atau sokongan penjagaan anak, sebagai salah satu penyelesaian yang boleh difikirkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi memastikan usaha pembasmian kemiskinan ini sentiasa inklusif dan dinamik, kementerian juga telah mengadaptasi beberapa pendekatan strategik dengan berpandukan kepada Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan dan hala tuju strategik Majlis Kebangsaan Isu Sosial atau MKIS dengan memberikan tumpuan kepada tiga teras utama, yang mana berasaskan peningkatan tahap atau *scalable* dan kemampunan iaitu *sustainable*.

Tiga teras utama ini ialah pertama, menjana pendapatan penerima bantuan. Ini bermakna untuk mencarikan peluang pekerjaan dan meningkatkan kebolehpasaran secara proaktif melalui kerjasama rapat dan diterajui oleh Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan, MPTMP untuk meningkatkan akses kepada peluang-peluang pekerjaan.

Kedua, memperkukuh *mindset* dan pendidikan. Kita semua maklum bahawa pendidikan adalah kunci kejayaan atau apa yang kitani fahami sebagai satu *game changer* untuk memutuskan atau mengeluarkan daripada kitaran kemiskinan.

Oleh itu, strategi pembasmian kemiskinan bukan saja memfokuskan

kepada penerima bantuan tetapi juga dilaratkan kepada setiap ahli keluarga khususnya kepada anak-anak yang masih bersekolah.

Jadi, dalam pada itu, kementerian juga menjalin kerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memperkukuhkan akses kepada kualiti pendidikan. Pendidikan yang berkualiti untuk semua peringkat umur khususnya anak-anak penerima bantuan.

Antara intervensi yang diberikan adalah melalui Bantuan Kewangan Kebajikan Bulanan, Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan atau BKPT dan program-program motivasi atau kesedaran untuk membentuk satu *mindset* yang mandiri, ekonomi dan tidak bergantung selama-lamanya pada mana-mana bantuan.

Ketiga, memperkukuhkan dasar dan prasarana melalui kerjasama rapat dan diterajui oleh agensi-agensi berkepentingan seperti Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal, JUZWAB, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, *Darussalam Enterprise*, *DARe*, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan juga Kementerian Pembangunan.

Dalam pada itu, kementerian ini juga sedang dan akan meneruskan pelaksanaan beberapa inisiatif utama, iaitu pertama, kajian semula garis panduan pemberian bantuan kebajikan

bulanan di bawah JAPEM, yang antara lain memperluaskan skop kelayakan penerimaan bantuan bagi meningkatkan *accessibility*, meningkatkan keberkesanan bantuan dengan mensyaratkan penyertaan penerima bantuan dalam program pengupayaan atau *capacity building*. Ini adalah untuk memastikan mereka mendapat tahap kemahiran yang diperlukan untuk membolehkan setiap individu penerima ani mencapai tahap berdikari.

Kedua, menyediakan Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan bagi tempoh lima tahun seterusnya. Untuk itu, kementerian ini akan mengkaji semula keberkesanan pelan tindakan yang sedia ada dan meneliti secara lebih mendalam dan terperinci, jurang dan penambahbaikan yang diperlukan seperti strategi perumahan, strategi pengangkutan dan strategi penjagaan ahli keluarga yang sakit selain daripada penjagaan anak kecil.

Berhubung usaha mentakrifkan kemiskinan dalam konteks khusus Negara Brunei Darussalam, sukacita kaola kongsi bahawa Majlis Kebangsaan Isu Sosial, MKIS telah menjalankan satu kaji selidik yang komprehensif pada tahun 2010 sehingga 2011.

Salah satu tujuan utama kaji selidik tersebut adalah untuk merumuskan definisi kemiskinan yang selaras dengan prinsip syariah. Berdasarkan hasil kajian, kemiskinan didefinisikan sebagai situasi dalam mana seseorang individu itu tidak

mampu untuk menjana pendapatan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan asas bagi kehidupan yang berpatutan sama ada untuk dirinya sendiri mahupun bagi tanggungan-tanggungannya yang diwajibkan ke atasnya.

Mengenai kadar kemiskinan di negara ini dan Kos Minimum Keperluan Asas, KMKA, perkara ini telah pun dijelaskan dalam ulasan rakan sejawat kaola Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada 8 Mac lalu.

Jadi oleh itu, dengan menetapkan definisi kemiskinan dan kadar KMKA yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi, pembentukan dasar dan garis panduan bantuan kebajikan serta program-program intervensi akan lebih terarah, inklusif dan yang penting sekali tepat diberikan kepada golongan sasaran yang betul-betul kurang berkemampuan dan yang terjejas. Sekali gus memastikan pengoptimaan penggunaan sumber yang terhad serta memastikan penilaian yang lebih baik terhadap keberkesanan apajua program bantuan yang diberikan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada kesimpulannya setiap pencapaian dan perlaksanaan inisiatif akan terus dipantau dan diselaraskan untuk mencapai impak yang tinggi dan mampan. Perancangan jangka panjang adalah mensasarkan pengurangan kadar kemiskinan secara beransur-ansur tetapi

tetap konsisten dan menghalu tuju di arah landasan yang betul.

Ke arah itu melalui Majlis Kebangsaan Isu Sosial, MKIS, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan akan memastikan agar setiap usaha akan memberikan impak yang bertepatan, setiap sumber yang digunakan secara efisien dan berhemah, setiap usaha adalah berpandukan bukti, penganalisaan data dan amalan terbaik dan setiap agensi berkepentingan dan masyarakat secara amnya akan dilibat sama untuk memeduli kesejahteraan dan kebajikan masyarakat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam kesempatan ruang yang diberikan, izinkan kaola memberikan tambahan kenyataan mengenai fokus strategi pendekatan bersepadu untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas yang selari dengan tiga matlamat Jawatankuasa Khas Warga Emas iaitu, Pertama, Pembangunan Warga Emas, Kedua, Kebajikan Dan Kesejahteraan Warga Emas Dan Ketiga, Sistem Sokongan Kepada Warga Emas. Pendekatan bersepadu ini termasuk;

Pertama, Bantuan Kewangan dan *In-Kind* untuk warga emas. Sehingga bulan Februari 2025, seramai lebih 44 ribu penerima Pencen Umur Tua telahpun menerima pencen. Lebih 1600 warga emas juga merupakan penerima bantuan di bawah JAPEM dan JUZWAB iaitu hampir 17%. 147 warga emas yang berpenghidupan susah telah menerima tambahan bantuan kewangan di bawah

JAPEM sebanyak \$100 sebulan. 83 warga emas yang terlantar dan uzur dihulurkan bantuan secara *in-kind* iaitu lampin bernilai \$100 sebulan dan susu bernilai \$100 sebulan.

Kedua, Penglibatan Komuniti dan Pelbagai Inisiatif termasuk, kesedaran gaya hidup sihat melalui TEGAS *Walkathon 2023* yang dikendalikan oleh mahasiswa dan mahasiswi perubatan Universiti Brunei Darussalam dan *Virtual "The Golden Milestones 2024"* oleh *Brunei Medical Student Association*;

Projek yang memeduli warga emas yang pada masa ini memeduli seramai 57 warga emas di keempat-empat daerah yang pernah melibatkan kerjasama dengan Alumni Kapal Belia, HEART *Volunteers* dan terkini organisasi *Food Life* bagi pengagihan makanan kepada warga emas yang tinggal sebatang kara;

Program capaian atau *outreach community* bersama belia-belai yang dikendalikan oleh institusi-institusi pengajian tinggi seperti pertandingan *bowling* UBD dan kempen kebersihan bersama sukarelawan dari IBTE, UBD, UNISSA dan PKBN; dan

Akhirnya program kesejahteraan mental dan fizikal seperti latihan *barista*, permainan tradisional, latihan rintangan, kekuatan dan keseimbangan dengan elemen solat.

Ketiga, Peningkatan Perkhidmatan di Pusat Kegiatan Warga Emas atau apa yang dikenali sebagai PKWE. Alhamdulillah, peningkatan prestasi

PKWE di seluruh daerah dilihat dari beberapa aspek seperti, lebih 1300 keahlian di seluruh daerah, 791 aktiviti pembangunan kapasiti seperti keagamaan, kemasyarakatan, kesihatan dan keusahawanan, pengiktirafan PKWE Tutong dalam *World Health Organization, WHO Global database on Age Friendly Practices*, yang mana ini merupakan satu pencapaian yang boleh dibanggakan, perancangan untuk menambah penubuhan PKWE bagi memperluaskan capaian dan akses program dan perkhidmatan.

Kesimpulannya, pendekatan ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup warga emas ke arah penuaan yang aktif dan berjaya. Bantuan dan perkhidmatan yang dihulurkan kepada warga emas bukan saja dari aspek bantuan kewangan tetapi pembentukan ekosistem program, program yang merangkumi gaya hidup sihat, latihan kemahiran dan kreatif, keusahawanan, hubungan antara generasi dan teknologi digital.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, demikianlah peramba, kaola, saya dapat bentangkan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama rakan-rakan strategik akan terus menerajui usaha pembasmian kemiskinan dengan pendekatan yang lebih strategik, inklusif dan mampan.

Sesungguhnya kejayaan usaha ini adalah bergantung kepada sokongan sepadu dan kerjasama berterusan daripada semua pihak. Peramba/kaola/saya

menyeru kepada semua pemegang untuk terus bersama-sama, maksud peramba/kaola/saya pemegang taruh ataupun apa yang kitani panggil *stakeholders* untuk terus sama-sama dalam merealisasikan masyarakat yang sejahtera, berdikari dan maju ke arah Bangsa Brunei Cemerlang dengan bekerja secara kolektif dan sepadu. Insya-Allah kitani semua akan dapat mencapai matlamat ini dan membantu meringankan bebanan dan kemaslahatan serta meningkatkan kualiti penghidupan golongan sasaran yang kurang berkemampuan untuk mereka ini keluar dari kitaran kemiskinan.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Alhamdulillah, kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ke atas kenyataan terperinci yang telah dibuat mengenai dengan tajuk Perlaksanaan Perancangan Strategik Pembasmian Kemiskinan.

Sebelum kita meneruskan kepada tajuk-tajuk lain dalam mesyuarat kita, maka saya suka untuk menanguhkan mesyuarat ini selama 15 minit bagi membolehkan kita berehat dan kita akan menyambung semula dengan meneliti perkara-perkara lain Insya Allah.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Sekarang, mesyuarat bersidang semula dan kita akan beralih kepada urusan mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Rang Undang-Undang dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan. Perbahasan Peringkat Jawatankuasa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang 2025, Perbekalan 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan.

Sekarang, saya tangguhkan persidangan ini dan kita seterusnya akan meneruskan Perbahasan Peringkat Jawatankuasa

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita menyambung penelitian atas Tajuk-Tajuk di Peringkat Jawatankuasa.

Yang Mulia Jurutulis: Jabatan Perdana Menteri, Tajuk SA16A hingga SA28A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman, dalam senarai tajuk Jabatan Penyelidikan

Brunei adalah di antara jabatan yang tertutup dan tidaklah perlu kita membincangkannya. Sebelum memulakan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa perbahasan di peringkat jawatankuasa adalah perbincangan untuk mempertimbangkan permintaan perbelanjaan daripada setiap kementerian.

Saya penuh berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat menghidupkan suasana permesyuarat iaitu sama-sama mengambil dan mempertimbangkan dan memberi pendapat dan cadangan yang terbaik dalam Jawatankuasa ini.

Saya mempersilakan bagi Tajuk SA16A hingga Tajuk SA28A, saya akan menjemput enam orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk memberikan pendapat mereka, iaitu dimulakan dengan - Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Saya persilakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir

Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola sukacita ingin membincangkan Tajuk SA28A. Menyentuh berkenaan dengan usaha dan inisiatif ke arah pengurangan kadar pengangguran dalam kalangan anak-anak tempatan.

Kaola memberi penghargaan ke atas pencapaian Pusat Pekerjaan Brunei, *Job Centre* melalui petunjuk prestasi utama jabatan iaitu anggaran jumlah pengambilan pekerja tempatan *local recruitment* di sektor swasta yang meningkat sebanyak 3843 jumlah sebenar daripada jumlah anggaran 3000 bagi tahun 2023/2024. Ini memberi gambaran bahawa gaya memilih pekerjaan di sektor swasta dalam kalangan anak-anak tempatan semakin berkurangan.

Perkembangan ini juga turut didorong oleh iklim perniagaan yang terus berkembang di Brunei Darussalam. Dalam memastikan usaha pekerjaan ini terus berkembang. Kaola sukacita mencadangkan agar dasar-dasar dan akta-akta yang sedia ada dapat dikemaskinikan dan diteliti dengan terperinci mengambil kira memberi perlindungan pada semua pihak. Ini termasuklah melindungi hak-hak majikan dan juga pekerja agar semua perkara yang berhubung kait dengan pekerjaan seperti perjanjian pekerjaan, *job agreement* dapat dipatuhi dengan sewajarnya oleh pihak semua.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola juga melihat kepada usaha Jabatan Perdana Menteri melalui jabatan-jabatan berkenaan di dalam mencapai matlamat pembangunan modal insan yang dinamik dan berwawasan dengan secara berterusan melaksanakan program-program pembangunan kapasiti di kalangan penjawat awam.

Ini termasuklah menawarkan kursus-kursus yang dirancang melalui kaedah penganalisan keperluan latihan oleh Institut Perkhidmatan Awam, yang mana program ini seiring dengan pelaksanaan inisiatif *Strategic Workforce Audit and Planning, SWAP* oleh Jabatan Perdana Menteri. Ini merupakan langkah yang baik bagi menjamin keberkesanan khusus yang dilaksanakan melalui hasrat kerajaan ke arah meningkatkan kecekapan dan daya saing sektor awam yang memberi manfaat kepada semua pihak dalam tempoh masa yang panjang.

Akhirnya, kaola menyambut baik perancangan Belanjawan Jabatan Perdana Menteri tahun 2025/2026 dan memohon untuk menyokong.

Sekian Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:
Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Doa dibaca*)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola hanya akan membangkitkan tiga perkara:

Pertama, dalam Peruntukan 2025/2026 ini perbelanjaan biasa Jabatan Perkhidmatan Elektrik secara menyeluruh telah menurun sebanyak \$17.9 juta. Begitu juga pengurusan jana kuasa 002/001 bajetnya dikurangkan dari \$46.3 juta kepada \$15.6 juta.

Manakala perusahaan *major maintenance* disediakan peruntukan baharu sebanyak \$17.3 juta di bawah Tajuk 002/003 akaun 216 penyelenggaraan dan pembaikan aset juga dikurangkan dari \$55 juta kepada \$26.4 juta. Ke arah itu, kaola ingin memohon penjelasan apakah sebabnya pengurangan ini dilakukan dan adakah ianya tidak akan menjejaskan kerja-kerja pemeliharaan dan pemberian perkhidmatan pembekalan elektrik kepada orang ramai, premis-premis perniagaan dan tapak -tapak industri;

Kedua, Pusat Pekerjaan Brunei telah menyasarkan pengambilan pekerja tempatan di sektor swasta sebanyak 3000 orang setahun pada Tahun Kewangan 2025/2026 ini. Pada Tahun Kewangan yang lepas sasaran pengambilan pekerja di kedua-dua sektor awam, dan swasta ditetapkan sebanyak 12,635 orang. Ini bermakna sasaran pengambilan pekerja di sektor awam ialah berjumlah kira-kira 9,600 orang setahun.

Dalam hal ini, kaola mohon pencerahan adakah sasaran ini realistik kerana kita pun sudah maklumi dalam beberapa tahun ini jumlah jawatan di sektor awam tidak banyak bertambah, malahan di sebilangan kementerian, jabatan telah pun dikurangkan dari tahun ke setahun melalui proses *trade-off* jawatan. Sila betulkan kaola jika kaola salah bilangan penjawat awam yang bersara hanyalah sekitar kira-kira 2,000 ke 2,500 orang setahun dan proses pengisian jawatan kosong pun masih belum secepat yang diharapkan.

Begitu juga dengan proses mengenai jawatan-jawatan yang masih dipangku. Ke arah itu mohon dikongsikan, adakah sasaran telah dapat dipenuhi pada tahun lepas dan apakah usaha ke hadapan kementerian untuk menangani isu ini secara efektif. Dan dalam isu yang sama kaola mengambil maklum mengenai *Labour Force Survey 2024* yang baru yang diterbitkan, yang mencatatkan bahawa jumlah pencari pekerjaan menurun daripada 11,990 orang pada tahun 2023 kepada 11,100 orang pada tahun 2024. Alhamdulillah, diucapkan tahniah dan syabas jika boleh mohon dikongsikan mengenai faktor utama penyebab penurunan ini.

Dalam pada itu, kaola juga ingin memohon pencerahan mengenai program Pusat Pekerjaan Brunei yang disediakan peruntukan \$19.2 juta dalam Kod 002/001 khususnya dalam usaha menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan pengurangan pengangguran golongan belia tempatan.

Concern ini kaola bangkitkan kerana ianya adalah juga selaras dengan beberapa perkara yang disentuh oleh IMF dalam laporan konsultasi *Article 4* yang diterbitkan pada bulan Oktober 2024 yang lalu yang juga telah meng*highlighted* cabaran negara dalam menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan pengurangan pengangguran golongan belia tempatan. Keprihatinan ini kaola rasa memang *valid*, berpatutan memandangkan hampir 68% dari keseluruhan bilangan pencari pekerjaan yang aktif tersebut adalah belia dalam lingkungan umur di antara 18 ke 30 tahun.

Dan yang terakhir, kaola ingin menyentuh satu saran Balai Khazanah Islam Sultan Hassanal Bolkiah, iaitu jumlah pengunjung membuat lawatan ke galeri yang ditetapkan sebanyak 20,700 pelawat pada Tahun Kewangan 2025/2026. Trend peningkatan pelawat ini nampaknya *constant* sahaja, iaitu sebanyak 700 tambahan pelawat setiap tahun.

Sebagaimana yang kita maklumi penggunaan Balai Khazanah Islam ini memang unik dari segi seni binanya. Ini kerana terma arkitek yang dilantik mereka bentuk ini adalah sebuah *international consultant* yang terkenal yang juga telah merekabentuk galeri-galeri terkemuka dunia seperti *The Louvre* di Paris dan *Museum of Islamic Art* di Qatar.

Kaola berpendapat sepatutnya perkara ini di *capitalize* dengan promosi-promosi

yang lebih menyerlah dan agresif kerana arkitek-arkitek dan bahan-bahan pameran terutamanya dari koleksi peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini memang mempunyai keunikannya yang tersendiri dan patut disebarluaskan promosinya sebagai usaha meningkatkan pelancongan Islam negara.

Alhamdulillah, pada tahun 2024 kita telah berjaya mempromosikan galeri ini melalui pameran *Faith and Devotion* dengan kolaborasi bersama firma antarabangsa terkenal Sotheby's. Kaola berpendapat usaha-usaha ini perlu dipergiatkan bagi menarik lebih ramai pelawat terutamanya pelancong-pelancong luar bagi menyaksikan galeri ini.

Ke arah itu, kaola ingin mengetahui apakah strategi balai ini dengan kerjasama *stakeholder* yang lain untuk mempromosi dan menarik lebih ramai lagi pengunjung-pengunjung ke balai ini, terutamanya pelancong-pelancong dari luar negeri. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang bijaksana.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Kaola ada tiga perkara sahaja yang akan dibangkitkan bagi Tajuk SA16A hingga SA28A.

Yang pertama, Tajuk SA22A Kod 003/000 Program Pengurusan Perkhidmatan Mahkamah-Mahkamah Syariah. Sejak tahun 2006, para peguam sivil terikat kepada undang-undang mandatori melalui *Law Society Order*. Dengan adanya *Law Society Order* ini, ia menjaga etika peguam-peguam sivil dan kesejahteraan orang ramai.

Soalan kaola, adakah kerja-kerja merangka perintah ini sudah dilaksanakan dan diluluskan di Mahkamah Syariah untuk etika peguam-peguam syarie?

Yang kedua, merujuk juga tajuk yang sama. Peguam sivil kini diwajibkan untuk mempunyai *Insurance Indemnity Professional* bagi melindungi kepentingan masyarakat. Keperluan yang sama juga diperlukan kepada peguam syarie. Kaola mohon pencerahan, adakah usaha ke arah mewajibkan *Insurance Indemnity Professional* ini sudah dilaksanakan peguam syarie.

Dan yang ketiga terakhir, ialah Tajuk SA27A Kod 001/000, iaitu Program Pembangunan Pusat Warisan Ilmu Islam. Selaras dengan fungsi utama Balai Khazanah Islam Sultan Hassanah Bolkiah untuk menjadi pusat warisan ilmu dan destinasi pelancongan antarabangsa yang mampu untuk menghidupkan budaya ilmu melalui aktiviti-aktiviti keilmuan dan penyelidikan sekali gus menambahkan hasil pendapatan negara.

Adakah perancangan pihak kerajaan untuk mengadakan program-program majlis ilmu dengan menjemput ulama-ulama kontemporari dari seluruh dunia yang terpilih mengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah. *International Sunnah Convention*, 2025 pada Januari lepas di Perlis, Malaysia adalah contohnya di mana Zakir Naik, Omar Suleiman, Yusuf Estes, Bilal Philips atau ulama pakar ilmu pakar *eschatology* seperti Imran Hosein dan ulama-ulama lain seperti Mufti Menk. Kalau tak pun seperti Habib Omar dari Yemen.

Kaola percaya dengan merangka program-program seperti ini Balai Khazanah Islam Sultan Hassanah Bolkiah boleh menjadi lebih menarik bagi pelancong dan secara tidak langsung meningkatkan hasil pendapatan negara. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merujuk SA24A, JPM, Jabatan Perkhidmatan Elektrik Kod 004/000, Perkhidmatan Pelanggan dan KPI jumlah pengurangan tunggakan hasil.

Merujuk kepada Tajuk SA24A Kod 004/000, tunggakan hasil elektrik adalah tinggi. Lebih kurang \$400 juta. Manakala sasaran bagi jumlah pengurangan yang dinyatakan dalam KPI adalah terlalu rendah, iaitu pengurangan \$4 juta setahun.

Adakah dikenal pasti sektor-sektor yang menyumbang kepada tunggakan hasil yang tinggi ini? Adakah ianya dari rumah-rumah persendirian atau komersial? Bilakah sasaran sifar tunggakan dapat dicapai? Pihak yang bertanggungjawab perlu menetapkan sasaran yang lebih realistik dan mencabar berdasarkan data terkini dan potensi penambahbaikan dalam proses kutipan seperti menetapkan had masa pembayaran dan tindakan.

Apakah KPI yang boleh diperkenalkan oleh kementerian untuk menilai sejauh mana bangunan-bangunan kerajaan, kediaman, komersial dan industri mengamalkan penggunaan tenaga secara cekap? Bagaimana pihak jabatan boleh menanda aras pencapaian ini selain daripada sekadar pengurangan penggunaan elektrik?

Mengambil kesempatan ini, kaola menarik perhatian Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai peranan penting hal ehwal tenaga untuk menjana ekonomi negara sepertimana Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Oleh itu, kaola mencadangkan agar pihak JPM menetapkan Petunjuk Prestasi Utama, KPI yang meliputi industri hulu, hiliran dan tenaga hijau.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir

Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan peruntukan belanjawan berjumlah \$552.3 juta, kaola optimis semua bentuk kemajuan hendaklah sentiasa mengutamakan kepentingan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Dalam hal ini, kaola menyambut baik keutamaan Jabatan Perdana Menteri khususnya agensi-agensi keselamatan negara menjalinkan kerjasama padu dengan masyarakat awam di dalam menjaga keselamatan dan keamanan negara dengan merangka pelbagai strategik melalui pendekatan *whole of government, whole of nation* di dalam meningkatkan kesedaran dan produktiviti awam bagi memastikan kestabilan politik dan kedaulatan negara tetap dipelihara.

Kaola juga menyambut baik komitmen negara di dalam Perjanjian Paris ke arah mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau, GHG sebanyak 20% di dalam tahun 2030 dengan mengemaskinikan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Brunei Darussalam sebagai langkah pelaksanaan menjelang tahun 2035.

Dengan ini usaha-usaha ke arah memperkukuhkan lagi keterjaminan tenaga dengan pelbagai sumber termasuk tenaga alternatif dengan mengambil kira penggunaan tenaga yang lebih rendah karbon melalui kaedah penggunaan yang lebih cekap dan berteknologi tinggi.

Usaha ini sewajarnya terus didukung oleh semua pihak agar inisiatif ke arah menangani isu-isu perubahan iklim dapat dicapai dengan lebih berkesan. Ini termasuk memperkenalkan secara meluas teknologi-teknologi terkini yang berasaskan penggunaan tenaga yang mesra alam sekitar untuk dipraktikkan kepada bangunan-bangunan yang sedia ada mahupun projek-projek baru yang dirancang. Selain daripada itu, peranan orang ramai juga penting, yang mana ketika ini penggunaan lampu-lampu solar semakin meluas serta menjadi pilihan di rumah-rumah kediaman mereka.

Sehubungan dengan ini, kaola mencadangkan agar pihak-pihak agensi berkaitan dengan mengawal pengimportan masuk semua jenis barangan tenaga solar di dalam negara dengan mengambil kira dari segi kualiti dan harga. Perkara ini penting bagi memastikan keselamatan dan hak pengguna tetap dijaga dan terpelihara terutama sekali ke arah membendung penjualan barang-barang tenaga solar tiruan dan tidak selamat digunakan.

Kaola sukacita merujuk kepada Tajuk SA24A - Petunjuk Prestasi Utama Jabatan Perkhidmatan Elektrik berkenaan dengan jumlah gangguan bekalan pada sistem penghantaran dan pembahagian melebihi 60 minit yang mana anggaran bagi tahun 2023/2024 adalah 51 tetapi jumlah sebenar melebihi kepada 80.

Ini menunjukkan satu peningkatan yang tinggi. Kekerapan gangguan melebihi masa satu jam yang dihadapi oleh orang

ramai dan pengguna. Kaola mengharapkan agar usaha-usaha ke arah memperkasakan bekalan tenaga elektrik sepertimana yang digariskan di dalam Belanjawan Negara 2025/2026 dan melalui RKN12 dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin bagi memastikan sebarang gangguan dapat dikurangkan dengan sewajarnya.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola memohon maaf, kaola ingin menarik diri dari perbahasan sebab perkara ini telah pun dibangkit oleh rakan ahli. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya jemput. Sekarang saya jemput lagi, kumpulan beberapa, enam orang Ahli Yang Berhormat selanjutnya iaitu Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mempunyai tiga kalau ada

kesempatan empat isu yang akan dibentangkan.

SA016A – Jabatan Mufti Kerajaan Kod 002/003 – Pemberigian Ilmu dan Maklumat Islam. Kaola ingin bertanya adakah bajet ini merangkumi usaha untuk Pendigitalan Irsyad Hukum, kerana kaola berpendapat bahawa Pendigitalan Irsyad Hukum boleh meningkatkan akses kepada maklumat, memudahkan penyebaran fatwa dan menjadikan perkhidmatan lebih efisien sejajar dengan keperluan masyarakat moden serta aspirasi transformasi digital negara.

Kaola juga mencadangkan untuk menyediakan terjemahan ke Bahasa Inggeris dan Mandarin bagi memastikan maklumat dalam Irsyad Hukum dapat diakses oleh lebih ramai lapisan masyarakat terutama bagi saudara-saudara baru dan sebagai dakwah kepada orang-orang yang bukan Islam yang kurang memahami Bahasa Melayu.

Soalan yang kedua, SA24A – JPM Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Gangguan bekalan elektrik pada tahun 2024 terlalu kerap dan kaola ingin memohon status *efficiency* dan *reliability* penjanaa tenaga dan apakah status kementerian dalam projek-projek menggantikan Sistem Penjanaan Tenaga dan juga kaola ingin mengetahui kalau ada inisiatif-inisiatif Jabatan Elektrik untuk memperkenalkan insentif bagi pengguna-pengguna untuk memilih *renewal energy* tanpa bergantung sepenuhnya kepada grid nasional.

Tambahan *Energy Security* ASEAN *Power Grid*, kaola faham bahawa beberapa negara ASEAN saling terhubung, *interconnected* melalui *ASEAN Power Grid* membawa pelbagai manfaat antaranya meningkatkan keselamatan tenaga, menyokong pertumbuhan ekonomi dan memudahkan peralihan kepada tenaga yang lebih diperbaharui.

Dengan manfaat ini apakah langkah yang boleh diambil oleh kementerian untuk memastikan negara juga terhubung, *interconnected* dengan rantau ini demi menjamin keselamatan negara dan peralihan negara yang lebih mampan.

Soalan kaola yang keempat ialah SA28A - Pusat Pekerjaan Brunei. *KPI* yang mensusurkan sasaran tiga ribu pekerjaan setiap tahun. Kaola ingin pencerahan pada tahun lepas, *target* yang disasarkan ialah seramai 12,000 bagi tahun 2024 tapi dipecahkan kepada agensi baru yang hanya disasarkan target 3,000. Siapa yang mengambil target 9,000 itu dan di mana *KPI*-nya akan diukur? Kaola berpendapat bahawa kementerian memastikan bahawa pengurangan pemegang *Work Permit* di sektor swasta mesti diambil usaha untuk digantikan dengan pengambilan pekerja tempatan yang mencukupi dan berkelayakan.

Dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa sektor swasta memberikan keutamaan kepada pengambilan pekerja tempatan dan adakah terdapat insentif ataupun penalti yang dikenakan pada pihak-pihak swasta yang sentiasa mengambil orang

bukan anak tempatan untuk mengisi kekosongan mereka? Sekian. Wassalamualaikum.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola merujuk pada SA27A - Balai Khazanah Sultan Hassanah Bolkiah.

Terlebih dahulu, aa, kaola, aa, mengongsikan bahawa, kaola bersetuju dengan pandangan kedua-dua Ahli Yang Berhormat tadi iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim dan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin yang berhubung dengan Khazanah.

Cuma kaola ingin menambah di sini Pehin, bahawa anu difahamkan aktiviti pendidikan akan dipertingkatkan. Oleh itu, apakah perancangan khusus bagi meningkatkan aktiviti pendidikan di Pusat Warisan Ilmu Islam? Bagaimanakah graduan-graduan tempatan akan dilibatkan dalam aktiviti penyelidikan ini? Dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menarik ilmuwan tempatan dan luar negara? Apakah usaha-usaha akan dijalankan untuk meningkatkan penyertaan penyelidikan di dunia Islam serta menjadikan Balai Khazanah Sultan Haji Hassanah Bolkiah ini sebagai Pusat Penyelidikan Serantau dan Antarabangsa. Itu Sahaja, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Ah..Kaola merujuk Kod SA21A – Pejabat Pejabat Peguam Negara dengan perbelanjaan keseluruhan \$12,409,060.00. Kaola meneliti Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama bagi jabatan ini dan juga program-program yang disediakan dan kaola mendapati pencapaian sebenar Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama ataupun *KPI* bagi Tahun Kewangan 2024 dan 2025 yang kesemuanya menunjuk bagi Tahun 2023/2024, maaf, yang menunjukkan kesemuanya pencapaian di bawah anggaran asal yang disasarkan.

Khususnya pada tiga *KPI* yang berkaitan jumlah kontrak yang disemak, pencapaian 43% sasaran asal adalah 80%. Jumlah ADC Semakan Undang-Undang Brunei yang diterbitkan, pencapaian sebenar 15%, berbanding sasaran 80% dan jumlah tanda perniagaan yang diproses dengan pencapaian 54%, berbanding sasaran asal 80%.

Sehubungan dengan itu, kaola mohon pencerahan mengenai satu cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak Jabatan Peguam Negara yang menyumbang kepada isu kelambatan proses kerja, yang secara tidak langsung juga kaola rasakan turut menyokong persepsi masyarakat mengenai

perkhidmatan yang diberikan oleh institusi ini.

Yang kedua, apakah strategi Pejabat Peguam Negara dalam memastikan penambahbaikan dan peningkatan efisiensi dan serta produktiviti perkhidmatan-perkhidmatan perundangan yang disediakan dan seterusnya mampu menyasarkan 100% perkhidmatan yang diberikan?

Perkara kedua, kaola merujuk kepada SA26A – Jabatan, aa, Institut Perkhidmatan Awam dengan perbelanjaan \$3,913,390.00. Kaola merujuk juga kepada Petunjuk Prestasi Utama bagi tajuk ini, di mana pencapaian dan sasarannya, Alhamdulillah, adalah 100% secara berterusan. Namun, kaola dapati *KPI* yang disediakan iaitu peratus perancangan kursus yang dilaksanakan tidak menyokong objektif program yang ditetapkan iaitu untuk meningkatkan produktiviti melalui peningkatan kemahiran dan kapasiti. Kerana, jumlah kursus yang dilaksanakan semata-mata, tidak akan memberikan gambaran jelas dan tepat terhadap peningkatan produktiviti. Apa yang penting ialah peningkatan kemahiran dan kapasiti serta perkembangan *professionalism* peserta kursus yang dikenalpasti terhasil daripada kursus yang diikuti. Oleh itu, kaola mencadangkan supaya *KPI* tersebut dikemaskinikan dengan mengambilkira penilaian terhadap peserta yang telah mengikuti kursus-kursus yang disediakan bagi memastikan produktiviti yang lebih tinggi.

Dan akhir sekali, Kod SA28A - Pusat Pekerjaan Brunei Kod 002/000 Perkhidmatan Sumber Tenaga Manusia bagi program 002/001 Program Pusat Pekerjaan Brunei dengan Peruntukan sebanyak \$19, 209, 310.00. Kaola mohon pencerahan mengenai langkah-langkah yang diambil untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan program-program perantisan dalam mempersiapkan peserta program untuk memasuki pasaran kerja dan bagaimana kementerian memantau serta menilai impak jangka panjang program-program ini agar sentiasa relevan terhadap perubahan dalam pasaran kerja yang ada.

Sekian terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Kaola di sini ingin menyentuh Tajuk SA16A iaitu Jabatan Mufti Kod 200 iaitu yang berhubung kait dengan pengembangan ilmu dan maklumat, pemberigaaan ilmu dan maklumat Islam, pengumpulan ilmu dan maklumat Islam.

Dalam di bawah peruntukan ini nampaknya dibandingkan dengan 2024/2025, telah meningkat daripada

\$4,177,324.00 kepada \$4,381,826.00 bagi Tahun Kewangan 2025/2026, di mana kaola sangat mengalu-alukan peningkatan ini.

Apa yang diharapkan, agenda ugama agenda ilmu sedemikian ini sepatutnya dipertingkatkan pemberigaannya, termasuk *update data posting, date posting, up-to-date posting* secara digital mengikut tren perkembangan transformasi digital *ICT* bagi membolehkan lebih ramai lagi khususnya dikalangan rakyat dan penduduk di negara ini, mengakses ilmu-ilmu keagamaan disamping menyebarkan luas lagi syiar Islam di negara ini. Ini sudah setentunya akan dapat mengukuhkan lagi kefahaman dan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mengikut Imam Syafi'e akan dapat kitani yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam.

Keduanya, kaola ingin menyentuh di bawah Tajuk Institut Perkhidmatan Awam iaitu Tajuk SA26A. Pembangunan warga perkhidmatan awam adalah sangat penting untuk dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan melengkapi pelbagai kemahiran serta kompetensi-kompetensi yang diperlukan ke arah mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan awam. Dalam hal ini juga, kaola menyokong sepenuhnya kenaikan yang drastik di bawah Tajuk 2112 ini, Pembangunan Sumber Manusia kepada dalam kepada \$1,040,000.00 bagi Tahun 2025/2026.

Sehubungan dengan ini, kaola ingin memohon pencerahan, apakah mekanisme perancangan pelan dan pelan tindakan yang lebih strategik dalam meng*optimise* peruntukan ini supaya benar-benar dapat meningkatkan perkhidmatan yang lebih efektif, efisien, cemerlang, produktif lagi berintegriti selaras dengan Wawasan Perkhidmatan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 dan seterusnya dalam mendukung ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Ketiganya, ingin kaola menyentuh di sini di bawah Tajuk SA28A – Pusat Pekerjaan Brunei di bawah Tajuk Kecil 002 Perkhidmatan Sumber Tenaga Manusia dan juga ada kaitannya di bawah Tajuk 002 Program Pusat Pekerjaan Brunei yang diperuntukkan kewangannya sejumlah \$19,407,310.00 pada Tahun 2025/2026.

Kaola juga menyokong peruntukan yang lebih tinggi ini bagi memberikan lebih banyak peluang kepada anak-anak tempatan untuk mengikuti pelbagai jurusan program latihan dan kemahiran dalam memenuhi keperluan industri dan sektor swasta bagi membolehkan meningkatkan kebolehpasaran dan keboleherjaan.

Berasaskan kepada KPI, menunjukkan pencapaian 100% bagi tahun 2023/2024 dan juga disasarkan peratus yang sama 100% bagi tahun 2025/2026, peserta yang selesai menambah menamatkan kursus yang pendek di mana kaola sangat-sangat mengalu-alukan kegigihan menganjurkan program secara

berterusan. Walau bagaimanapun, apa yang mustahak kaola ingin mendapat pencerahan, berapa peratuskah mereka yang berjaya mendapatkan pekerjaan setelah menamatkan kursus tersebut pada tahun-tahun ke belakang dan juga pada masa ini?

Inilah, kaola berpendapat satu realiti cabaran dalam menilai keberkesanan dan kejayaan program-program yang disediakan. Kaola berpendapat, kejayaan ini sudah setentunya juga memerlukan kerjasama dan komitmen yang padu daripada semua agensi-agensi berkepentingan, khususnya kepada pihak majikan untuk bersedia mengambil pekerja tempatan yang telah pun selesai menamatkan kursus-kursus yang bersesuaian.

Sekian terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman:
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola cuma ingin menyentuh mengenai dengan Tajuk SA28A, yang mana telah juga disentuh oleh Yang Ahli Berhormat sebelum ini iaitu di bawah Peruntukan SA28A di bawah Pusat Pekerjaan Brunei ada menetapkan dua fungsi utama jabatan, pertama, hal ehwal pengurusan dan korporat, pusat pekerjaan dan perkhidmatan dan objektif kedua ialah meningkatkan kapasiti dan kebolehpasaran, *marketability* dan

kebolehkerjaan, iaitu *employability* anak-anak tempatan.

Kaola cuma ingin minta pencerahan *follow record* akan justifikasi penggunaan peruntukan sebanyak \$19,209,310.00 yang diberikan di bawah Akaun 2115 – Bantuan Geran Pemilihan dan Subsidi.

Kaola juga ingin merujuk kepada salah satu petunjuk prestasi, iaitu jumlah peserta yang selesai menamatkan kursus jangka pendek sepertimana juga yang telah disentuh oleh rakan Yang Berhormat tadi, iaitu kejayaan 100%. Soalan kaola adakah mereka ini yang sedang bekerja, yang sudah bekerja atau pun mereka masih mencari pekerjaan dan daripada jumlah yang menyertai kursus ini 100% ini berapakah yang sudah mendapat pekerjaan selepas mereka mengikuti kursus berkenaan.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi:

Sekarang saya akan memberikan laluan untuk Yang Berhormat Menteri-Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan ulasan mereka masing-masing. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (*Doa dibaca*).

Kaola sukacita terlebih dahulu mengucapkan menjunjung kasih dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang

Berhormat di atas pertanyaan-pertanyaan diutarakan sebentar tadi dan kaola mengambil baik dan maklum cadangan-cadangan bernas yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Di kesempatan ini seperti lazimnya kaola akan insya Allah jua menjawab soalan-soalan yang berhubung kait dengan bidang tugas atau pun portfolio kaola. Manakala, yang lain akan dijawab oleh rakan sejawat kaola Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Kaola jua akan cuba dalam masa diperuntukkan untuk menjawab soalan-soalan. Namun demikian kalau yang tidak sempat akan dijawab secara bertulis, Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola sukacita terlebih dahulu menjawab berkenaan SA16A, iaitu sukacita ingin menjawab soalan daripada beberapa Ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof dan juga Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin berkenaan dengan usaha Jabatan Mufti Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam pendigitalan Irsyad Hukum dan bajetnya serta cadangan untuk menterjemah Irsyad Hukum ke dalam Bahasa *English* dan Mandarin dan juga usaha-usaha lain untuk menyebarkan dakwah Islamiah melalui jabatan yang berkenaan.

Sukacita menjelaskan bahawa Tajuk SA16A, Kod Aktiviti 002/003 - Pemberigian Ilmu dan Maklumat Islam merupakan peruntukan bagi pembayaran *emolument*, gaji dan elaun bagi 13 pegawai dan kakitangan di Bahagian Penerbitan dan Penerangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang, *occur*, iaitu bagi lawatan, pameran, upacara majlis, promosi, pemasaran dan lain-lain akan tetapi tidak merangkumi pembiayaan pendigitalan Irsyad Hukum. Walau bagaimanapun, jabatan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi menyediakan landasan dan kemudahan bagi masyarakat untuk mendapatkan maklumat ilmu dan maklumat Islam.

Di antara usaha yang telah pun dilaksanakan adalah akaun rasmi jabatan bagi aplikasi *Instagram* yang telah dilancarkan pada 24 Jun 2023 dan *YouTube* dilancarkan pada 25 Mei, tahun yang sama. Berkaitan dengan usaha pendigitalan Irsyad Hukum, perkara berkenaan juga termasuk dalam inisiatif berterusan Jabatan Mufti Kerajaan untuk mewujudkan landasan bagi bahan dalam bentuk *digital* dan akan diperkenalkan kepada masyarakat dalam waktu yang bersesuaian.

Berkenaan dengan cadangan penterjemahan Irsyad Hukum ke dalam Bahasa Inggeris. Jabatan mengambil maklum dan menyambut baik cadangan tersebut dan akan menilai kemungkinan bagi pelaksanaannya. Namun terjemahan pada Bahasa Mandarin perkara ini akan diteliti lagi ikut kesesuaiannya.

Dan kaola terus saja sebelum kaola menjawab bahagian yang berhubung tenaga yang agak panjang nanti kaola akan terus saja menjawab bahagian soalan berhubung dengan SA27A, iaitu mengenai dengan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang telah pun menarik perhatian kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi melalui apakah strategi untuk menarik pengunjung dan macam mana untuk memanfaatkan penggunaan yang menyimpan barang Balai Khazanah dalam warisan islam ini untuk diketengahkan pada masa dunia. Dan kaola pun berterima kasih khususnya kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim dan juga Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dan terakhir tadi Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Semua bertujuan pada untuk menaikkan *profile* dan imej Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Jadinya, bagi merealisasikan hasrat murni dan wawasan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Balai Khazanah ini sebagai pusat warisan ilmu islam. Di antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan:

Pertama ialah memberikan kursus latihan digitasi manuskrip dan bahan-bahan koleksi arkib balai khazanah kepada pegawai dan kakitangan yang mengendalikan koleksi manuskrip-

manuskrip agar mahir dalam melaksanakan tugas menghasilkan manuskrip secara *digital*. Tujuan pengimbasan bahan-bahan manuskrip dan mushaf dalam *format digital* adalah bagi memastikan bahan-bahan kertas asal manuskrip dan mushaf sentiasa terjaga dan terpelihara terutama yang berumur ratusan-ratusan tahun. Selain itu ianya juga memudahkan akses koleksi manuskrip kepada penyelidik melalui salinan *digital* tanpa menjejaskan bahan koleksi asal;

Kedua, membukakan keahlian bagi penyelidik luar yang berminat untuk membuat penyelidikan terhadap koleksi manuskrip-manuskrip dalam simpanan balai khazanah. Kadar yuran keahlian adalah sebanyak \$10.00 untuk tempoh tiga bulan dan \$30.00 untuk setahun. Penyelidik diberikan akses kepada salinan manuskrip secara *digital*. Alhamdulillah, setakat ini terdapat seramai lima orang penyelidik luar telah mendaftar dan menjalankan kajian ke atas koleksi manuskrip Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Selain itu Pegawai Penyelidik balai khazanah sendiri juga sedang melaksanakan kajian secara dalaman ke atas koleksi mansuskrip di dalam balai khazanah tersebut;

Seterusnya, mengadakan bengkel dan latihan filologi pada tahun 2023 melalui kerjasama Universiti Brunei Darussalam, UBD dengan melibatkan tenaga akademik dari UBD yang mempunyai kepakaran dalam bidang filologi dan berpengalaman dalam penyelidikan

manuskrip selaku fasilitator. Bengkel dan latihan tersebut bertujuan untuk memberikan pendedahan dan ilmu pengetahuan kepada para peserta mengenai kaedah kajian terperinci terhadap naskah sastera lama untuk menemui keasliannya, bentuk asalnya dan makna kandungannya. Ia juga bertujuan untuk menarik minat para pengkaji khususnya dari kalangan generasi muda untuk menjalankan penyelidikan manuskrip;

Seterusnya, bekerjasama dengan Instituti Pengajian Tinggi Awam, IPTA dalam penganjuran seminar, bengkel simposium dan persidangan. Antaranya, *Symposium in the Footsteps of Faith, Breathing Science and Spirituality in the Wisdom of Quran* dan juga *Symposium on Plants in Islamic Civilization*. Kedua-duanya telah diadakan pada tahun lepas dengan kerjasama UBD. Pihak Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah juga sedang dalam usaha melaksanakan kerjasama dengan seorang Profesor Emeritus dari Rimba Ilmu *Botanic Garden* di Universiti Malaya melalui kajian saintifik dan penerbitan koleksi tanaman di taman herba Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah;

Seterusnya, membukakan peluang kepada graduan-graduan tempatan untuk terlibat dalam aktiviti penyelidikan ini. Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah sedang meluaskan rangkaian kerjasama dengan IPTA tempatan semasa mengikuti pengajian di IPTA masing-masing para pelajar yang

berminat akan diberikan peluang untuk menerima pendedahan dan menimba pengalaman dalam bidang kajian yang bersesuaian dan berkaitan dengan bahan koleksi Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Sebagai misal, balai khazanah merancang untuk mengadakan kerjasama dengan Universiti Islam Sultan Sharif Ali, UNISSA dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, KUPUSB khususnya penyelidikan manuskrip dalam bidang Pengajian Arab dan Tamadan Islam, lebih-lebih lagi kerjasama dengan UNISSA yang baru-baru saja menubuhkan sebuah pusat berperanan memelihara, melestarikan dan mengkaji manuskrip yang dikenali sebagai Pusat Kajian Manuskrip Islam dan akan mula mengeluarkan *Programme Master In Islamic Manuscript By Research* dan *PHD In Islamic Manuscript By Research* mulai tahun ini. Para graduan tempatan dari program-program tersebut akan terus berpeluang untuk terlibat menjalankan aktiviti penyelidikan setelah menamatkan pengajian dengan mendaftar sebagai Ahli Penyelidik Badan Balai Khazanah Islam.

Dan usaha seterusnya dalam usaha menjadikan Balai Kahazanah Islam sebagai pusat warisan ilmu di rantau ini, Balai Khazanah Sultan Haji Hassanal Bolkiah akan mengajurkan Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam Kali Pertama Insya Allah pada 16 sehingga 19 Jun tahun ini dengan kerjasama Universiti Islam Sharif Ali, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Universiti Brunei Darussalam.

Penganjuran persidangan antarabangsa seumpama ini dihasratkan akan dapat membantu menaikkan lagi *profile* dan *image* Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah sebagai pusat warisan ilmu Islam di arena antarabangsa.

Dan antara lain, namun demikian menjawab soalan-soalan untuk menarik pengunjung itu pun akan terjawab sedikit tetapi, memang dalam bermesyuarat Lembaga Penasihat Balai Khazanah berulang kali jua ini sebagai agenda utama untuk menarik pengunjung iaitu melalui pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-nation* juga. *Whole of government* itu jikalau dapat semua sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian sama ada tinggi, rendah untuk mengambil kesempatan untuk berkunjung ke sana.

Begitu juga halnya dengan usaha menarik pengunjung-pengunjung luar negeri melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk mengusahakan dengan pengusaha-pengusaha pelancongan untuk dapat menarik semua pelancong-pelancong yang datang ke Negara Brunei Darussalam untuk berkunjung ke pusat ini, ke Balai Khazanah ini, Insya Allah.

Sebab banyak sudah program-program dianjurkan, namun demikian berusaha untuk menaikkan statistik seperti yang didapati oleh Yang Berhormat tadi 700 saja mendarat setiap tahun itu, Insya Allah. Dan di dalam bangunan ini yang menarik perhatian juga ada satu bilik khusus iaitu Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ini

pun bagi rakyat Negara Brunei Darussalam memang akan berkunjung ke sana dalam masa hari-hari tertentu, hari-hari kebesaran Islam.

Dan kaola cuba menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan perkhidmatan elektrik dan juga Jabatan Elektrik. Agak panjang Pehin, tapi mungkin dapat jua menjawab antara soalan-soalan yang telahpun diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.

Dan kaola cuba menggabungkanlah dalam apa yang akan kaola sampaikan ini. Mungkin tidak lengkap tapi yang selengkapnya akan disusul seperti biasa.

Dan antara soalan-soalan itu ada berhubung kait dengan kecekapan tenaga, jadi negara kita ini memang merupakan antara pengguna tenaga elektrik tertinggi dirantau ini, iaitu 800 Kilowatt-sejam per kapita bagi tahun 2021 berbanding negara jiran Malaysia iaitu 5000 *Kilowatt-hour per capita*.

Menurut *ASEAN Energy Statistics 2023*, ini menunjukkan keperluan meningkatkan kecekapan dan penjimatan tenaga bagi aspek bekalan, sistem penjanaan dan dari segi penggunaan iaitu penggunaan pengguna atau pelanggan yang mana menjadi keutamaan Jabatan Tenaga.

Sejak pemasangan USMS pada tahun 2022, fungsi *meter real time* membolehkan pengguna lebih peka terhadap penggunaan tenaga. *Energy Efficiency Standard and Labelling Order, 2021*, SLO pula menegah import dan penjualan peralatan eletrik yang tidak cekap tenaga sejak Januari 2023.

Seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebelum ini, Kerajaan menanggung subsidi eletrik, sementara tarif regresif bagi sektor komersial pada masa ini iaitu lebih banyak pemakaian lebih murah kadar tarif, tidak mendorong kepada penggunaan pada kadar yang cekap.

Kerajaan turut memimpin usaha meningkatkan kecekapan tenaga dari segi penggunaan melalui pertandingan pengurusan tenaga serta memajukan pemasangan panel solar di bangunan-bangunan kerajaan. Dari segi kecekapan sistem penjanaan pula, tahap keseluruhan kecekapan sistem penjanaan eletrik negara kini dianggarkan sekitar 28%. Sistem ini menggabungkan teknologi berkecekapan tinggi seperti Jana Kuasa Bukit Panggal Fasa Pertama dan Jana Kuasa Berakas Projek *Oregon* sementara hampir 70 % penjanaan kepada jana kuasa lama dengan kecekapan rendah yang mana beroperasi dengan kadar kecekapan dalam 21%. Jana kuasa baru oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Syarikat Berakas *Power Company* dijangka siap pada tahun 2027 dan 2028 akan meenggunakan teknologi

Combined-Cycle Gas Turbine, CCGT yang lebih cekap, meningkatkan kecekapan keseluruhan melebihi 35%. Insya Allah sasaran negara untuk mencapai tahap kecekapan penjanaan keseluruhan melebihi 50% menjelang tahun 2035.

Dan mengenai dengan beberapa soalan mengenai dengan gangguan eletrik, sebahagian besar aset jana kuasa dan rangkaian grid masih beroperasi melebihi 30 tahun yang boleh menyebabkan sistem bekalan terdedah kepada gangguan bekalan eletrik dan mempengaruhi indeks-indeks *reliability* bekalan eletrik yang dipantau rapi iaitu *SAIDI, System Average Interruption Duration Index* dan *SAIFI, System Average Interruption Frequency Index*. Indeks *SAIDI* adalah ukuran tempoh gangguan purata setiap pelanggan. Perlaksanaan Projek Utama RKN telah mengurangkan SAIDI dari 310 minit pada tahun 2013 ke 13 minit pada tahun 2022, setaraf dengan yang terbaik di ASEAN. Namun cabaran integriti aset pada 2023 menyebabkan SAIDI meningkat kepada 80 minit dan mampu dipulihkan kepada 40 minit pada tahun lepas.

Dari segi index SAIFI pula, iaitu *System Average Interruption Frequency Index*, iaitu ukuran kekerapan gangguan juga telah menurun dari 1.2 kali setiap pelanggan kepada tahun 2023 ke 0.8 kali bagi tahun 2024. Adapun indeks-indeks ini banyak dipengaruhi oleh gangguan rangkaian atau *transmission system* bekalan, program penambahbaikan melalui RKN dan rancangan kerja tahunan JPE, Jabatan Perkhidmatan

Eletrik sedang dilaksanakan bagi penyelenggaraan penaiktarafan sistem dan penggantian jana kuasa lama secara berperingkat demi mencapai sasaran kecekapan penjanaan melebihi 50% menjelang tahun 2035 dan juga bagi untuk terus memperbaiki indeks-indeks SAIDI dan SAIFI ke tahap sebelum ini.

Di RKN-12 khususnya sebahagian projek-projek Jabatan Perkhidmatan Elektrik melibatkan penaiktarafan sistem rangkaian bekalan tenaga elektrik dan dijangka akan mengambil masa untuk disiapkan di antara 2 hingga 3 tahun. Sebahagian pula dijangka akan disiapkan pada tahun ini. Dengan terlaksananya projek-projek tersebut, Insya Allah rangkaian bekalan tenaga elektrik negara akan lebih kukuh. Manakala pembekalan tenaga elektrik kepada pengguna akan lebih stabil dan *reliable*.

Dalam mengukuhkan lagi keterjaminan bekalan tenaga negara, sumber alternatif untuk mempelbagaikan bekalan adalah amat dititikberatkan selaras dengan sasaran negara untuk meningkatkan kapasiti penjanaan dari tenaga boleh diperbaharui sekurang-kurangnya 30% dalam campuran tenaga negara menjelang dalam tahun 2035.

Oleh itu penggunaan teknologi cekap tenaga amatlah penting termasuk insentif pengecualian cukai import panel solar yang sudah diperkenalkan pada tahun 2012 dan kenaikan duti lampu tidak cekap tenaga pada 15%.

Seterusnya bagi menggalakkan pemasangan tenaga diperbaharui secara *captive program net metering* sejak

tahun 2021, membolehkan lebih tenaga solar diexport ke grid nasional seterusnya akan membantu mengurangkan bil bulanan pihak pengguna.

Beberapa syarikat telah mengintegrasikan tenaga solar termasuk BSP, Hengyi, BIBD, JIS, Expro Sendirian Berhad dan Sumitomo Corporation. Projek-Projek RKN-12 dan seterusnya seperti *Energy Management System*, *Supervisory Control dan Data Acquisition*, *SCADA* Fasa Ketiga bagi meningkatkan kepintaran grid atau *Smart Grid* yang diperlukan bagi membolehkan penyerapan tenaga boleh diperbaharui berskala besar untuk merealisasikan sasaran negara.

Dalam memastikan orang ramai dapat memanfaatkan sepenuhnya dari teknologi-teknologi elektrik yang bersifat hijau termasuk peralatan solar, aspek keselamatan adalah penting. Pihak Jabatan Tenaga melalui Autoriti Elektrik Negara Brunei Darussalam, AENBD telah mengeluarkan Garispanduan Peralatan dan Produk Elektrik yang boleh dimuat turun dari laman sasawang Jabatan Tenaga sebagai panduan keselamatan untuk produk-produk elektrik secara amnya. Namun, garispanduan yang menjurus kepada produk berkaitan solar khususnya belum lagi diterbitkan atau dikeluarkan. Cadangan ini adalah baik dan bermanfaat untuk dipertimbangkan selaras dengan perancangan Jabatan Tenaga dalam mendidik dan meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai produk elektrik hijau termasuk solar.

Sementara itu, piawaian-piawaian antarabangsa *standard IEC, International Electrotechnical Commission* yang relevan antaranya seperti *IEC 61215* yang memastikan kualiti produk panel solar dan alat-alat berkaitan dengan sistem tenaga solar tersedia. Ini boleh dijadikan sebagai panduan.

Dalam langkah memajukan usahasama ini, memerlukan pendekatan yang bersepadu dan peranan orang ramai adalah amat penting. Jabatan Tenaga terus giat meningkatkan usaha untuk melibatkan orang ramai menerusi program-program pemberigaan melalui kerjasama dengan agensi kerajaan dan pihak swasta termasuk institusi pengajian tinggi dalam pemberigaan mengenai peralihan tenaga seperti wawancara Rampai Pagi, Segmen Tindakan Iklim mengenai pembangunan solar melalui Pejabat Perubahan Iklim, Forum Brunei Mampan melalui Pejabat SDG yang diadakan di UBD serta mengambil bahagian dalam beberapa forum yang berunsurkan *sustainability* yang dikendalikan oleh *Baiduri Bank, Darussalam Assets* dan sebagainya.

Jabatan Tenaga juga melalui Bahagian Peralihan Tenaga menyertai sesi-sesi pemberigaan yang mengetengahkan peningkatkan pengetahuan mengenai kecekapan dan penjimatan tenaga ditahap akar umbi melalui Program Sua Muka Jabatan Penerangan serta taklimat semasa Program Khidmat Bakti Negara. Usaha-usaha pemberigaan ini akan terus

dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran orang ramai.

Seterusnya, kaola ingin memberikan penerangan mengenai dengan kedudukan tunggakan bil elektrik di bawah Jabatan Perkhidmatan Elektrik yang mungkin dapat menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin. Sehingga 31 Disember 2024, jumlah tunggakan keseluruhan bagi sektor perumahan dan komersial ialah sebanyak B\$119 juta iaitu penurunan sebanyak \$7.0 juta berbanding dengan tunggakan pada 31 Disember 2023 yang berjumlah \$126 juta.

Langkah yang diambil untuk menangani tunggakan di sektor perumahan dan komersial termasuk penukaran meter pasca bayar kepada meter pintar USMS dan pembayaran balik secara ansuran melalui pemotongan pembelian kredit, baksis, gaji dan pencen. Sehingga kini 98,502 unit meter elektrik prabayar telah ditukar kepada meter pintar USMS. Sehingga 31 Disember 2024 yang lalu sebanyak \$1.2 juta telah dikutip melalui pemotongan pembelian kredit dalam sistem meter pintar USMS. Pemasangan meter pintar USMS di premis baharu dihasratkan dapat mengelakkan tunggakan. Sementara penggantian meter prabayar kepada USMS membantu mengurangkan tunggakan secara berterusan. Berbanding meter prabayar yang sedia ada, penggunaan tenaga elektrik dapat dipantau melalui aplikasi USMS sekaligus mendidik orang ramai

untuk menjadi lebih berhemah dalam penggunaan tenaga elektrik.

Selain itu, tunggakan di sektor perumahan juga turut dikutip melalui bantuan pembayaran tunggakan elektrik dari Majlis Ugama Islam Brunei, MUIB dan pihak kerajaan menyediakan perkhidmatan pembayaran bil yang tertunggak melalui beberapa kaedah yang dimulai dengan sistem perjanjian. Bagi sektor perumahan, lazimnya Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan membuat pemotongan minima sebanyak 30% bagi setiap pembelian token dan 50% bagi setiap pembelian token sektor komersial. Pengguna yang mempunyai tunggakan juga dialu-alukan datang ke kaunter Jabatan Perkhidmatan Elektrik yang terdekat untuk mengetahui setelah menjelaskan tunggakan dengan lebih lanjut dan juga untuk membuat perundingan bagi yang memerlukan untuk dipertimbangkan tertakluk kepada penelitian sesebuah kes.

Itulah antara lain yang dapat dijawab pada peringkat awal ini dan kaola mempersilakan rakan sejawat Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk menjawab. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu kaola ingin merujuk balik kepada satu soalan dari Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji

Aliuddin yang dikemukakan kelmarin mengenai dengan rasional bagi pembinaan semula bangunan Pusat Pekerjaan Brunei iaitu sebelum ani bangunan koperasi.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ani terdapat bangunan ani sudah lama tidak diguna pakai yang memandangkan bangunan tersebut jua tidak selamat digunakan. Jadi bangunan tersebut itu sekarang diambil alih oleh *Job Centre Brunei* dengan tujuan untuk menyediakan lebih banyak perkhidmatan dan kemudahan dan jua sekaligus meliati jua reka bentuk bangunan baharu yang akan diubah suai ani supaya ia sedia lebih kondusif kepada pengguna bagi *Job Centre* kemudian.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, bangunan baharu *Job Centre* ini adalah bagi pelaksanaan operasi dan inisiatif-inisiatif yang bakal dilengkapi dengan kemudahan yang terkini dan canggih serta berdaya saing dengan pusat-pusat pekerjaan di luar negara yang dilengkapi dengan kemudahan yang inklusif. Tambahan pula, bangunan ini akan jua dijadikan satu sebagai projek perintis Bangunan Hijau yang dilengkapi dengan konsep mesra alam dan lestari di bawah Rancangan Kemajuan Negara, RKN-12.

Bangunan ini akan menyediakan pelbagai kemudahan untuk pencari kerja tempatan dan majikan di sektor swasta termasuk ruang untuk aktiviti seperti pameran kerjaya dan bengkel serta menyediakan bilik temuduga yang mencukupi dan dewan yang boleh

memuatkan lebih daripada 200 orang. Kemudahan inklusif bagi orang berkeperluan khas juga akan disediakan bagi memastikan keselesaan dan kesaksamaan bagi semua individu. Tambahan pula dengan adanya bangunan baharu ini ianya jua akan memberikan kutipan hasil kepada kerajaan memandangkan sebahagian ruang yang disediakan adalah untuk disewa.

Seterusnya, kaola ingin merujuk kepada soalan dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim dan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin yang mana memohon pencerahan mengenai dengan *KPI* pengambilan pekerja tempatan iaitu perbezaan *KPI* pengambilan pekerja tempatan di sektor swasta berjumlah 3000 setahun dengan *KPI* pengambilan pekerja tempatan di sektor swasta dan sektor awam yang dianggarkan sebanyak 12 lebih ribu bagi tahun 2024/2025. Sebenarnya kedua-dua *KPI* ada berhubung kait dalam mengukur pengambilan pekerja tempatan iaitu *KPI* pengambilan pekerja tempatan ataupun *local recruitment* di sektor swasta berjumlah 3,000 orang setahun adalah merujuk kepada pencari kerja tempatan yang berhasil memperolehi pekerjaan secara langsung melalui platform Pusat Pekerjaan Brunei. Oleh itu, *KPI* ini antara lainnya mengukur keberkesanan platform *Job centre Brunei* ini Dalam memudah cara pencarian pekerjaan bagi anak tempatan.

Manakala, *KPI* pengambilan pekerja tempatan di sektor awam dan sektor swasta yang dianggarkan melebihi 12 ribu orang adalah merujuk kepada pengambilan pekerja tempatan secara keseluruhan dalam empat kategori pengambilan iaitu:

Satu, pengambilan baharu di dalam perkhidmatan awam;

Kedua, pengambilan baharu ke dalam pasukan beruniform iaitu Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penjara;

Ketiga, pengambilan baharu ke dalam sektor swasta yang direkodkan melalui portal *business reporting* di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan sepertimana yang dimandatkan bagi *input* daripada syarikat-syarikat swasta melalui *Employee Information Act.*; dan

Keempat, kemasukan ke dalam skim ataupun program-program perantisan yang dijalankan.

KPI ini dipantau secara bulanan bagi memberikan gambaran terhadap jumlah pengambilan terkini dan seterusnya membolehkan Majlis Perancangan Tenaga Manusia untuk merancang dan menyediakan inisiatif-inisiatif baharu bagi meningkatkan jumlah pengambilan anak-anak tempatan.

Menyentuh mengenai dengan soalan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai pengurangan pemegang *work*

permit di sektor swasta, Pusat Pekerjaan Brunei, *Job Centre Brunei* terus mendukung dan mendorong pengambilan anak tempatan melalui penekanan lebih intensif dalam menempatkan tenaga kerja di sektor swasta termasuk bagi jawatan yang dipohonkan untuk pengeluaran surat pengesahan ataupun *clearance letter* bagi Lesen Pekerja Asing. Ini adalah bagi mendukung Lesen Pekerjaan Asing yang dikuatkuasa oleh Jabatan Buruh ke arah dasar 'pembruneian'.

Bagi tahun 2024, sebanyak 3,299 jawatan telah ditolak antaranya bagi syarikat memberi peluang pengisian jawatan-jawatan berkenaan kepada anak-anak tempatan. Dalam memastikan sektor swasta mengutamakan pengambilan anak tempatan, *JobCentre Brunei* melaksanakan beberapa langkah strategik termasuk bekerjasama rapat dengan sektor swasta dan mengawal selia untuk memahami keperluan majikan dalam memastikan pekerja tempatan dapat dilatih mengikut keperluan pasaran. Ini membolehkan program dan inisiatif baharu dapat dirancang dan disesuaikan menurut kehendak pasaran. Untuk memudahkan pengambilan pekerja tempatan, *Job Centre Brunei* turut menyediakan platform pencarian pekerjaan dan memberi sokongan kepada syarikat dalam proses pengisian jawatan.

Seterusnya kaola beralih kepada beberapa soalan yang dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman dan juga Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam mengenai dengan peruntukan untuk program Pusat Pekerjaan Brunei sejumlah melebihi \$19 juta. Untuk mengongsikan maklumat mengenai dengan jumlah peruntukan ini adalah dikhaskan untuk program *i-Ready* dan juga kursus jangka pendek seperti *SkillsPlus* dan *soft skill training* dan sebagainya.

Dari segi pencapaian, sepertimana kaola pernah mengongsikan daripada program *i-ready* 72% peserta sudah mendapat pekerjaan dan bagi kursus pendek 55.6% sudah mendapat pekerjaan. Jadi, kursus pendek ini bukannya satu *formal qualification*, ani ganya untuk meningkatkan saja kemahiran bukannya satu *qualification* yang seperti *degree* ataupun *TVET* ataupun sebagainya, jadi atulah.

Dan seterusnya mengenai dengan satu soalan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim mengenai dengan penurunan pengangguran. Untuk pencerahan mengenai dengan sebab-sebab penurunan pengangguran itu, jadi untuk dikongsikan sepertimana kaola jua

bentangkan sebelum ini, kadar pengangguran telah menurun kepada 4.8% pada tahun 2024 ini adalah faktor-faktornya. Pertama, peningkatan pekerja di sektor swasta sebanyak 4% dengan peningkatan yang ketara di 5 sektor yang telah dikenalpasti seperti pembuatan petrol kimia dan perkhidmatan sokongan. Dan kedua, peningkatan bagi kategori bekerja sendiri ataupun *self-employed*. Di samping itu, pihak kerajaan telah mengungkapkahkan beberapa usaha-usaha tambahan untuk terus menangani isu pengangguran seperti mempercepatkan pengambilan dalam perkhidmatan awam *outsourcing government service*, mempromosikan secara aktif pengambilan lain-lain termasuk perantisan di badan-badan berkanun, di syarikat-syarikat PMKS, memperkenalkan program SkiPPA dan sebagainya.

Jadi, seterusnya mengenai dengan soalan dari Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir mengenai dengan sasaran bagi pengemaskinian dasar dan akta yang sedia ada termasuk melindungi hak majikan dan pekerja dalam mana kaola menyambut baik cadangan Yang Berhormat itu. Terlebih dahulu kaola ingin membetulkan jumlah pengambilan anak tempatan melalui *Job Centre Brunei* bagi Tahun Kewangan 2023/2024 adalah sebanyak 3,483 orang. Menyentuh mengenai dengan perlindungan hak majikan dan pekerja, pihak kerajaan sentiasa menekankan terhadap keadilan dan kebajikan dalam pekerjaan termasuk mendapat gaji yang

berpatutan berdasarkan industri dan kelayakan masing-masing.

Alhamdulillah, pada 12 Julai 2023 negara telah menguatkuasakan Perintah Pekerjaan ataupun, Upah Minimum, 2023 di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 bertujuan untuk menyediakan gaji berpatutan kepada kadar minimum \$500 sebulan bagi pekerja sepenuh masa dan \$2.62 sejam bagi pekerja sambilan tanpa menjejaskan operasi perniagaan dan seterusnya merangsang pertumbuhan sosioekonomi. Dasar upah minimum ini dilaksanakan secara berfasa bermula dengan industri perbankan dan kewangan dan industri teknologi maklumat dan komunikasi.

Fasa seterusnya akan bermula 1hb April ini meliputi 5 lagi industri iaitu keselamatan, pelancongan dan penginapan, arkitek kejuruteraan profesional, ukur bahan dan ukur tanah, perubatan dan pergigian dan pendidikan tinggi swasta. Kadar dan skop upah minimum ini akan di *review* secara berkala untuk memastikan ia kekal relevan dan berkesan selaras dengan perkembangan ekonomi dan keperluan semasa. Akta Perintah Pekerjaan Penggal 278 yang sedia ada juga melindungi hak majikan dan pekerja dengan memastikan tanggungjawab dan akauntabiliti kepada piawai pekerjaan termasuk majikan menghormati hak pekerja dan menyediakan persekitaran kerja yang kondusif.

Kaola juga ingin menekankan akan kepentingan bagi para pekerja

menghormati dan mematuhi kontrak pekerjaan mereka ke arah memastikan hubungan pekerjaan yang harmoni dan saling memberi manfaat antara kedua-dua pihak.

Pihak kerajaan juga memperkenalkan dan memperkukuhkan beberapa dasar dan akta bagi memastikan perlindungan pekerja mahupun majikan seperti berikut dari segi perlindungan sosial pekerja tempatan, pengenalan Skim Persaraan Kebangsaan ataupun SPK pada 15hb Julai 2023, memastikan perlindungan dan kebajikan pekerja tempatan di hari persaraan nanti diperkukuhkan. SPK juga merupakan skim yang inklusif di mana semua jenis pekerjaan sama ada pekerja sektor formal mahupun tidak formal adalah terjaga.

Dari segi memastikan tempat pekerjaan yang selamat dan kondusif pula, satu Akta Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, Penggal 277 dan peraturan-peraturan di bawahnya telah dikuatkuasakan oleh Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar *SHENA*. Ini adalah bagi menggalakkan pekerja dan majikan mengamalkan budaya keselamatan di tempat kerja yang dipatuhi, terjaga dan sentiasa melindungi semua pihak. Manakala dari segi memastikan pihak majikan mempunyai pekerja yang kompeten, pihak kerajaan telah menyediakan platform bagi pembangunan tenaga manusia melalui program *upskilling* dan *reskilling*. Platform ini bukan sahaja dapat memberikan manfaat kepada pekerja

untuk meningkat kemahiran malah ianya jua membolehkan majikan untuk meningkatkan daya saing perniagaan dengan tenaga kerja yang kompeten dan produktif. Mungkin setakat ini sahaja kaola dapat menjawab. Yang selain daripada itu Insya Allah kaola akan menjawab secara bertulis Insya Allah. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Yang Berhormat Pengerusi, kaola pun mohon izin kalau ada masa Yang Berhormat Pengerusi luangkan untuk menjawab lagi ada sedikit mengenai dengan Tenaga dan beberapa mengenai dengan Kehakiman dan juga Institut Perkhidmatan Awam, IPA tadi. Mohon izin.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dan jawapan tambahan mengenai dengan *KPI* di Jabatan Tenaga. Memang Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri mempunyai *KPI-KPI* tahunan dan juga *KPI* jangka masa panjang bagi menyasarkan tiga sektor yang dipantau rapi iaitu bagi mengekalkan sektor hulu minyak dan gas. Kedua, mengembangkan sektor hiliran minyak dan gas dan ketiga, menjamin keselamatan bekalan tenaga.

KPI-KPI ini turut dilaporkan bagi memastikan keberkesanan inisiatif-inisiatif yang ada. Dan bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim mengenai dengan peruntukan Jabatan

Elektrik yang dikurangkan tapi namun demikian sebagai jawapannya walaupun peruntukkan dikurangkan, ia tidak akan menjejaskan projek-projek yang sudah dirancang, memandangkan langkah ini diambil adalah dengan mengoptimalkan perbelanjaan dengan mengambil kira keupayaan pihak pemborong, pembekal dan yang berkaitan dengannya.

Insya Allah ianya tidak akan menjejaskan objektif penyelenggaraan keseluruhan dan dilaksanakan mengikut keutamaan khususnya bagi kerja-kerja yang dapat membantu mencapai dan mengekalkan *reliability* bekalan. Sejurus dengan itu projek-projek kritikal sudah pun dikenal pasti dan diberi keutamaan bagi pelaksanaan.

Manakala kerja-kerja penyelenggaraan yang *major* pula adalah berunsur jangka masa panjang dan dilaratkan ke tahun-tahun akan datang. Yang mana sebahagiannya dibiayai oleh di bawah peruntukan RKN-12. Pada masa yang sama usaha giat dilaksanakan untuk menilai semula strategi penyelenggaraan dan juga strategi mengkontrakkan bagi membolehkan projek-projek dilaksanakan mengikut peruntukan.

Kaola mengambil kesempatan untuk membagikan sedikit pencerahan terhadap soalan yang telah diutarakan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin iaitu menyentuh mengenai dengan program *ASEAN Power Grid, APG* yang mana adalah merupakan satu inisiatif di bawah kerjasama *ASEAN* bagi memajukan kesaling hubungan, *interconnectivity* dan

negara-negara anggota *ASEAN* sebagai sebahagian daripada langkah utama untuk memastikan keterjaminan dan akses tenaga di keseluruhan rantau. Contohnya ialah kejayaan pelaksanaan fasa pertama Projek Integrasi Kuasa Tenaga Laos, Thailand, Malaysia, Singapura, LTMS-PIP. Negara Brunei Darussalam memanfaatkan program APG ini bagi menyediakan platform untuk melaksanakan penyelarasan Projek Integrasi Kuasa Tenaga Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filipina, BIMP-PIP yang mana projek penyambungan rangkaian rentas sempadan, *cross-border interconnection* di antara Negara Brunei Darussalam dan Sarawak adalah merupakan satu kompenan yang penting.

Bagi projek ini, kerjasama rapat terus diadakan di antara Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Sarawak Energy Berhad bagi merancang pelaksanaan projek bagi langkah memajukan projek. Insya Allah ianya akan dilaksanakan oleh sebuah *special purpose vehicle* yang akan dilantik nanti.

Pihak jabatan secara aktif melaksanakan projek yang dirancang untuk disiapkan pada tahun 2027, 2028 yang akan mengukuhkan lagi keterjaminan tenaga negara dengan adanya sumber yang pelbagai tanpa mempengaruhi keselamatan tenaga negara secara keseluruhannya. Projek ini Insya Allah berpotensi mendapatkan akses kepada sumber tenaga boleh diperbaharui, hidro berskala besar dan menyokong

keselamatan tenaga dan kepelbagaian sumber tenaga.

Projek ini juga dipantau rapi di bawah secara bersepadu Jawatankuasa Pandu Keselamatan dan Kecekapan Tenaga bagi memastikan perlaksanaannya yang berkesan.

Dan kaola sukacita seterusnya ingin menjawab soalan berkaitan dengan Jabatan Kehakiman yang telah pun ditanyakan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Berkenaan soalan terhadap Jabatan Peguam Negara, memang ada cabaran-cabaran yang dihadapi. Pada mengatasi cabaran yang dihadapi pihak Pejabat Peguam Negara telah melaksanakan beberapa inisiatif yang seperti pembangunan kapasiti dan penambahbaikan proses. Bagi tahun seterusnya pihak Pejabat Peguam Negara juga merancang beberapa inisiatif bagi terus lagi mempertingkatkan perkhidmatan perundangan yang diberikan.

Walaupun bagaimanapun, penjelasan lanjut berhubung dengan perancangan-perancangan bagi tahun seterusnya akan dijawab secara bertulis termasuk jua mengenai dengan sistem kehakiman Sivil dan Syariah.

Dan soalan bagi menjawab Yang Berhormat soalan mengenai dengan IPA yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam. Institut Perkhidmatan Awam akan memastikan kursus dan

program yang dilaksanakan adalah berpandukan kepada *learning needs analysis* setiap agensi kerajaan dan akan dapat menyumbang kepada produktiviti perkhidmatan awam. Salah satu inisiatif yang dijalankan adalah Kajian Impak dilaksanakan sejak tahun 2022 bertujuan untuk melihat keberkesanan dan kualiti program yang ditawarkan oleh IPA.

Dapatan dari kajian tersebut menunjukkan impak yang memberangsangkan kepada mutu kerja dan produktiviti organisasi dilihat. Dapatan ini menunjukkan pensejajaran antara krusus yang ditawarkan dengan keperluan kursus. Bagaimanapun dapatan ini hanya melihat kepada impak kursus kepada kursus yang telah diikuti contohnya impak kepada mutu kerja hasil daripada penyertaan kursus *ICT*.

Berkaitan dengan mutu kerja dan produktiviti keseluruhan, adalah diharapkan individu-individu yang menjalani latihan berkenaan untuk mengapakai kemahiran yang diperolehi demi peningkatan produktiviti agensi masing-masing.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi penjelasan yang dapat di sampaikan di kesempatan ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk ini sekarang sudah kita tutup dan sekarang tibalah masanya bagi kita untuk mengundi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju bagi tajuk SA16A - SA28A diluluskan sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya semua Ahli bersetuju. Maka tajuk ini kita luluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SA16A hingga SA28A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Kementerian Pertahanan. Tajuk SB01A hingga SB04A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa beralih kepada Kementerian Pertahanan. Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini adalah Kementerian tertutup dan tidaklah bersesuaian belanjawannya dibincangkan secara terbuka.

Maka ada baiknya bagi tujuan prosedur kita, kita terus mengundi. Ahli-Ahli yang bersetuju supaya Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A, kita luluskan sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Semua Ahli nampaknya bersetuju, maka Tajuk Kementerian Pertahanan diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SB01A hingga SB04A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Tajuk SC01A.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang Jawatankuasa akan

membincangkan Tajuk SC01A, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Maka sekarang Tajuk ini saya bukannya untuk dibahaskan dengan menjemput lima orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk ikut membahaskan Tajuk ini. Saya mulakan dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, diikuiti oleh Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dan Yang Berhormat Awang Lau How Teck, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan. Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola cuma ada dua soalan saja.

Yang pertama ialah pertama, petunjuk prestasi utama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri diukur dari segi kejayaan memelihara dan mempertingkatkan imej dan kepentingan Negara Brunei Darussalam di arena antarabangsa. Kaola berharap ini juga merupakan *KPI* bagi perwakilan asing kita di luar negeri kerana sebahagian besar peruntukkan

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ialah pengurusan pejabat perwakilan di luar negeri sebanyak 36 buah perwakilan. Dalam kaitan ini, kaola ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mengadakan perjumpaan dengan kementerian-kementerian lain sebagai usaha pendekatan *whole-of-nation* bagi membincangkan isu-isu hubungan Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara luar bagi tujuan mengenal pasti maklumat dan dasar luar negara yang *multi-pronged* agar sehaluan dan bermanfaat dengan objektif dan sasaran yang jelas bagi masa jangka masa yang pendek, sederhana dan panjang. Di samping itu, ia juga dapat di jadikan sebagai *shopping basket* atau *list of things to do* bagi kedutaan dan suruhanjaya tinggi untuk melaksanakannya.

Soalan kaola yang kedua. Kaola ingin merujuk kepada Tajuk Kecil 2112 Pembangunan Sumber Manusia sebanyak \$70 ribu bagi tahun 2025/2026. Jumlah ini meningkat daripada \$60 ribu bagi tahun 2023/2024. Kaola ingin bertanya bagaimana peruntukan ini digunakan? Di sini kaola berpendapat adalah penting pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sentiasa diperlengkapkan dengan berbagai *skill* yang relevan dan memiliki kepakaran dalam isu-isu seperti undang-undang antarabangsa, *law of the sea*, hak asasi manusia, *climate change*, *global health* dan lain-lain agar mereka boleh berdepan dengan apa juga situasi

konflik sama ada politik, ekonomi, perdagangan dan lain-lain.

Di samping itu, kaola berpendapat selaku diplomat, mereka perlu diberi tugas menyokong usaha menarik pelaburan asing langsung ke Negara Brunei Darussalam jadi kaola ingin pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada peruntukan yang di berikan di bawah Tajuk Pembangunan Sumber Manusia sebanyak \$70 ribu itu mencukupi untuk memperlengkapkan pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dengan *skill-skill* yang di perlukan untuk menjalankan tugas mereka.

Sekian. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi. Alhamdulillah, terlebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan bagi membahaskan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bagi Peruntukkan Kewangan Tahunan 2025 dan 2026 berjumlah \$117.4 juta. Kaola merujuk kepada keselamatan dan penguatkuasaan di bawah klasifikasi dan tanggungjawab pihak kementerian.

Isu perdagangan manusia, *human trafficking* adalah salah satu masalah global yang sangat serius di mana individu diperdagangkan untuk tujuan eksploitasi, seksual, kerja paksa atau

untuk tujuan lain yang merugikan. Dalam pada itu, Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali di dalam menghadapi masalah yang sama. Sehubungan dengan ini, kaola memohon pencerahan berkenaan dengan usaha dan inisiatif pihak kementerian ke arah menangani isu perdagangan manusia termasuklah cara pembenterasan dan perlindungan korban melalui perbincangan atau perjumpaan *bilateral* dan *multilateral* dengan negara-negara sahabat dan sejauh ini apakah bentuk perdagangan manusia yang mencatatkan rekod yang tertinggi melibatkan Negara Brunei Darussalam?

Seterusnya kaola merujuk kepada Akaun 2118 – Anggaran perbelanjaan rawatan perubatan luar yang berjumlah \$1 juta. Kaola ingin pencerahan mengenai perkara ini. Di manakan perbelanjaan ini disalurkan? Adakah ianya digunakan untuk perbelanjaan pesakit yang dihantar oleh pihak kerajaan atau bagi membantu warga negara Brunei berada di luar negara yang memerlukan rawatan kecemasan? Sekian sahaja dari kaola Yang Berhormat Pengerusi.

Wabillahitaufiq wal Hidayah,
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

**Yang Berhormat Awang Haji
Mohamad Danial @ Tekpin bin
Ya'akub:** Assalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir
Rahmanir Rahim.

Yang Berhormat Pengerusi. Saya juga menyentuh bagi perbelanjaan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sejumlah \$117.4 juta yang telah

di sediakan untuk perbelajaan tahun 2025 dan 2026. Menyentuh dengan, berkenaan dengan objektif kementerian ke arah meningkatkan hubungan baik dan kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara sahabat sama ada di peringkat *ASEAN* ataupun antarabangsa. Ini termasuk kerjasama di dalam politik dan diplomatik.

Kaola ingin pencerahan berkenaan bantuan kemanusiaan kepada pelarian-pelarian untuk mendapatkan perlindungan disebabkan pergolakan atau peperangan. Merujuk kepada pelarian yang sebahagian besar yang berasal daripada Myanmar mencari perlindungan di negara-negara tetangga. Beberapa negara yang telah menerima dan memberikan perlindungan di antaranya ialah Bangladesh sejak tahun 2017, Malaysia, Thailand, Indonesia dan negara-negara barat melalui program kemanusiaan PBB. Sehubungan dengan itu, apakah pendirian Negara Brunei Darussalam di dalam perkara ini?

Seterusnya juga kaola merujuk kepada pengurusan pejabat perwakilan luar negeri berkenaan dengan pengurusan kakitangan. Ingin tahu berapakah jumlah bagi jawatan-jawatan yang di jawat oleh warga negara dan bukan warga negara di pejabat-pejabat kedutaan dan perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara dan adakah keistimewaan seperti elaun-elaun diberikan sama dengan kakitangan bukan luar negara? Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Kaola merujuk program 002/000 iaitu Pengurusan Pejabat Perwakilan Luar Negeri Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Kaola ingin membahaskan mengenai dengan kesejahteraan pegawai-pegawai diplomatik Negara Brunei Darussalam di luar negara khusus kaola ingin menyentuh mengenai dengan kesejahteraan ketua perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara yang kaola difahamkan hanya dibenarkan bercuti enam bulan sekali. Penempatan tempat mereka bertugas di luar negara juga berbeza keadaan dan situasi negara-negara berkenaan iaitu ada negara yang maju dan membangun dan juga negara yang keadaannya negara dunia ketiga, *third-world country* yang dikategorikan sebagai *hard posting*. Bagi ketua perwakilan yang ditempatkan di negara Dunia Ketiga ini, barang setentunya menjejaskan mental dan psikologi mereka, bertugas di negara-negara berkenaan ditambah lagi dengan hanya dibenarkan mengambil cuti setiap enam bulan sekali. Pada hemat kaola, perkara yang menjejaskan kesihatan mental ini perlu ditunduki.

Soalan kaola, adakah perancangan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dengan kerjasama pihak Jabatan Perdana Menteri untuk meneliti perkara ini? Kalaulah boleh mereka yang ditempatkan di negara-negara dunia

ketiga ini akan dapat diteliti kekerapan cuti mereka sama ada dengan cuti warga perkhidmatan awam yang berjalan pada masa ini atau mana-mana kekerapan cuti yang lebih sesuai bagi mengurangkan isu mental dan psikologi.

Tajuk SC01A, khusus mengenai dengan menangani kos sara hidup pegawai diplomatik dan juga elaun keluarga yang mengiringi mereka. Isu ini adalah khusus bagi pegawai diplomatik dan keluarga mengiringi mereka yang ditempatkan di negara-negara di mana kota bandarayanya yang kosnya tinggi dan inflasi yang tinggi setiap tahun. Soalan kaola:

Bagaimanakah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dapat menangani kos sara hidup yang semakin meningkat itu? Dan adakah terdapat perancangan untuk menyesuaikan elaun yang diberikan kepada pegawai diplomat bagi mengimbangi peningkatan kos sara hidup di negara di mana kos *standard of living* dan inflasi setiap tahun? Berkaitan juga dengan perkara ini, adakah pihak kementerian mempunyai perancangan mengkaji semula elaun-elaun anak-anak yang mengiringi untuk memastikan elaun itu memenuhi keperluan semasa mereka menetap di kota-kota bandaraya yang kaola maksudkan di atas?

Seterusnya ialah kaola ingin menyentuh mengenai dengan penyelarasan pengetahuan mendalam bagi ketua-ketua perwakilan negara kitani tentang dasar dan strategi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Soalan kaola:

Adakah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mempunyai perancangan untuk mengadakan lagi *Ambassador Conference* yang sudah lama tidak diadakan bagi memastikan semua ketua-ketua perwakilan kitani sehaluan dengan dasar-dasar dan strategi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Kaola difahamkan amalan mengadakan *Ambassador Conference* ini adalah amalan terbaik yang juga dilakukan oleh kementerian luar negara-negara asing yang memastikan semua ketua-ketua perwakilan dapat mengorak langkah strategik yang sehaluan.

Seterusnya ialah dengan keutamaan Negara Brunei Darussalam terhadap *ASEAN Centrality* dalam dasar luarnya, kaola difahamkan bahawa kitani masih lagi tidak mempunyai *permanent embassy* atau di antara negara-negara ASEAN. Bukankah ini bercanggah dengan dasar luar kitani yang mengutamakan ASEAN. Adakah terdapat rancangan untuk membangun atau membeli bangunan sebagai tapak kedutaan kitani secara kekal?

Dan yang terakhir ialah sepertimana sebelum ini Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, ketersediaan *preparedness* negara menangani isu pendatang asing seperti Rohingya dan lain-lain. Alhamdulillah, setakat ini isu ini tidak terjadi kepada negara kitani.

Walau bagaimanapun, ia adalah isu yang muncul, *emerging issue* di negara lain dan dalam dunia global yang tidak

menentu ini ia akan-akan terjadi di negara kitani jua, nauzubillahiminzalik. Soalan kaola:

Adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri telah mempunyai rangka dasar dan strategi mengenai ketersediaan kitani menangani isu ini jika ia terdampar di arah kawasan *EEZ - Exclusive Economic Zone* di dalam kawasan 200 batu nautika atau terdampar di pantai? Sekian, Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merujuk SC01A, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Peranan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri semakin penting dalam memastikan Negara Brunei Darussalam terus berdaya saing di peringkat antarabangsa khususnya dalam perdagangan, pelaburan dan kerjasama ekonomi.

Belanjawan Negara 2025/2026 memperuntukkan sejumlah \$117.3 juta bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri termasuk untuk pengurusan, pentadbiran dan perancangan dasar dan pengurusan perwakilan di luar negara.

Dengan perkembangan ekonomi global yang semakin kompleks, hubungan diplomatik yang kukuh perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara khusus dalam sektor

perdagangan, perniagaan, pertanian dan perkhidmatan.

Sebagai dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, usaha mempelbagaikan ekonomi telah menunjukkan hasil termasuk peningkatan eksport ke pasaran baharu seperti Chile, Mozambique, Colombia, Peru dan Mexico.

Bagi memastikan eksport negara terus berkembang dan mempunyai daya saing antarabangsa, kaola mencadangkan kerjasama lebih erat antara MFA dan kementerian berkaitan seperti Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam memastikan produk-produk tempatan mendapat akses pasaran lebih luas.

Memudahkan diplomasi ekonomi melalui penyediaan pusat sokongan di Kedutaan Brunei untuk membantu syarikat tempatan memahami keperluan pasaran luar dan menyertai *platform* perdagangan antarabangsa.

Kementerian boleh memainkan peranan yang lebih proaktif dalam menarik Pelaburan Langsung Asing, FDI. Dalam sektor pertanian dan perkhidmatan halal selaras dengan agenda pelbagaikan ekonomi negara. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman:

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola ingin membahaskan Tajuk SC01A Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi. Sepertimana yang kita sedia maklum berkenaan dengan perubahan dasar-dasar Amerika Syarikat di bawah pentadbiran Presiden Donald Trump yang menggunakan dasar imigrasi yang ketat terhadap warganegara asing yang tinggal di negara Amerika Syarikat. Perubahan dasar ini telah mengakibatkan ramai warga asing berisiko untuk dihantar pulang atau diarahkan kembali ke negara asal mengikut tempoh yang ditetapkan. Sehubungan dengan ini, kaola hanya memohon pencerahan apakah situasi ini telah melibatkan warga Negara Brunei Darussalam?

Di dalam memperkatakan isu penghijrahan warganegara keluar ke negara luar yang mana isu ini adalah merupakan fenomena global yang melibatkan individu atau keluarga berhijrah sama ada secara sah atau pun haram bagi tujuan tertentu seperti ekonomi, pendidikan, politik, sosial dan lain-lain. Negara Brunei Darussalam mungkin tidak terlepas dari menghadapi perkara yang sama.

Sehubungan dengan ini, kaola ingin pencerahan berkenaan dengan rekod atau statistik yang boleh dikongsi mengenai jumlah warganegara Brunei yang berhijrah secara sah dan apakah

negara-negara yang sering menjadi pilihan penghijrahan berkenaan? Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, terlebih dahulu kaola merakamkan ucapan terima kasih di atas ruang yang disediakan membahaskan belanjawan peruntukan Tajuk SC01A – Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merujuk kepada Akaun Perbelanjaan bilangan 2110 – di bawah Sewa dan Pajakan. Peruntukan yang diluluskan pada tahun 2023 dan 2024 ada \$17.7 juta dan Anggaran bagi Tahun 2025/2026 sejumlah \$17 juta. Penurunan sebanyak \$702 ribu, apakah penurunan ini tidak menjejaskan operasi yang sedia ada dan apakah skop perbelanjaan dalam kategori ini?

Seterusnya kaola, berkenaan dengan kegiatan ekstremis agama di luar negara yang melibatkan warganegara Brunei Darussalam. Penglibatan warga negara di dalam kegiatan jihad milita adalah isu yang kompleks dan berkaitan dengan pelbagai faktor termasuklah ideologi, politik, ekonomi dan pengaruh sosial.

Jihad milita menunjukkan pada bentuk perjuangan bersenjata yang dianggap

oleh beberapa kumpulan ekstremis sebagai kewajipan ugama untuk membela Islam. Penglibatan dalam kegiatan ekstrimis ini memberikan impak buruk kepada individu dan pelbagai pengabaian keluarga yang ditinggalkan. Dalam masa yang sama terhadap keamanan dan kestabilan global.

Sehubungan dengan ini, kaola memohon pencerahan apakah ada direkodkan warganegara Brunei terlibat di dalam kegiatan ini dan apakah tindakan dan usaha-usaha bagi membanteras kegiatan ini melalui diplomatik? Sekian, Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu kaola ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih atas layanan baik yang sentiasa dihulurkan oleh Pejabat Perwakilan Negara di luar negeri, apabila mereka mendampingi kaola dan rakan-rakan semasa bertugas di negara mereka ditempatkan. Terima kasih.

Kaola ingin membincangkan Kod 001/00 Pengurusan Pentadbiran dan Perancangan Dasar dan Kod 002/000 Pengurusan Pejabat Perwakilan Luar Negeri. Dari buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri menetapkan antara objektif bagi Kod 001/000 ialah untuk meneroka peluang-peluang

perdagangan, pelaburan dan pelancongan untuk negara.

Kaola mohon pencerahan apakah Petunjuk Prestasi Utama untuk mencapai objektif meneroka peluang-peluang perdagangan, pelaburan dan pelancongan untuk mendokong pertumbuhan ekonomi negara?

Soalan kaola kedua ialah, dalam Rancangan RKN ke-12 ada peruntukkan lebih kurang \$160 juta untuk beberapa projek kementerian. Sebanyak satu per tiga peruntukan iaitu \$53 juta di bawah Kod 1209-0011-015 akan dibelanjakan di luar negara di bawah tajuk Mengukuhkan Keselamatan Negara, Bangunan Awam iaitu pembinaan beberapa kediaman rasmi Pesuruhjaya/Duta Besar, bangunan baru dan menaiktaraf atau pengubahsuaian bangunan sedia ada bagi beberapa pejabat Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di luar negara. Memandangkan perbelanjaan ini di luar negara oleh pihak ketiga, mohon pencerahan *mechanism* untuk memastikan perbelanjaan digunakan seperti yang dirancang dan *facingnya* dalam RKN ke-12.

Isu ketiga, merujuk Kod 1209-012 bernilai \$4.7 juta ke atas pengubahsuaian bangunan Bubungan Dua Belas, memandangkan bangunan ini bangunan bersejarah, kaola mohon pencerahan mengenai perincian projek tersebut. Adakah ia akan mengekalkan aspek sejarahnya atau pun sebaliknya?

Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih diatas peluang membahaskan Belanjawan bagi Tajuk SC01A Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri yang mana sejumlah \$117.4 juta disediakan bagi mendukung ke arah pelaksanaan pengurusan, pentadbiran dan inisiatif yang dirancang bagi Tahun Peruntukan Belanjawan 2025/2026.

Kaola merujuk kepada Kod 001/000 Pengurusan Pentadbiran dan Perancangan Dasar, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri memastikan pengurusan pentadbiran dan perancangan dasar lebih teratur dan menepati visi kementerian, proaktif di dalam keahlian antarabangsa dan serantau, menghulurkan bantuan di luar negeri serta meneroka peluang-peluang di dalam mencapai matlamat Wawasan Negara 2035.

Di dalam memperkatakan berkenaan dengan penglibatan Kumpulan NGO yang terdiri daripada belia-belia di dalam misi bantuan sukarelawan di negara-negara yang memerlukan bantuan kemanusiaan. Ini termasuklah misi-misi bantuan ke negara-negara yang bergolak. Misi ini dikendalikan melalui kerjasama dengan badan-badan atau organisasi sukarelawan antarabangsa yang diakui sebagai langkah bagi mendapatkan

dokongan dari segi logistik, perlindungan dan keselamatan.

Dalam pada itu, kaola ingin pencerahan apakah usaha-usaha dan peranan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di dalam memberikan garis pandu dan nasihat serta syarat-syarat yang perlu dipatuhi termasuklah memberi nasihat perjalanan tentang risiko yang akan dihadapi di negara-negara berkenaan?

Kaola juga merujuk kepada kejadian kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kematian warganegara Brunei di luar negara, apakah peranan dan bentuk dukungan serta bantuan yang diberikan kepada mangsa?

Seterusnya kaola merujuk kepada Akaun Perbelanjaan 2116 iaitu Cukai, Denda dan Yuran, dengan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2025/2026 sebanyak \$11.2 juta.

Dimanakah perbelanjaan ini ditujukan dan apakah yang dimaksudkan dengan denda itu? Mohon pencerahan mengenainya. Sekian Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri untuk menyatakan penerangannya, ada baiknya kita jua mengingati bahawa ada beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah sememangnya sudah dirunding oleh

pihak-pihak yang berkenaan misalnya pihak-pihak keselamatan berhubung dengan pelarian-pelarian atau pun berhubung dengan apa namanya ni, orang-orang yang tidak sepatutnya datang ke negara sebuah negara dan dijual dan diseksa dan seumpamanya.

Perkara-perkara itu adalah ditangani oleh pihak-pihak yang berkenaan di dalam negeri. Jadi, ada baiknya perkara itu tidak ditimbulkan di dalam Dewan kitani anilah dan dasar mengenai dengan apa namanya ni, dasar mengenai dengan yang ditimbulkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat berhubung dengan dasar dalam negeri yang dibuat oleh sebuah negara besar baru-baru ini.

Saya kira tidaklah perlu kitani besarkan di dalam negara kitani di sini sebabnya barang kali tidak ada, apa ni, hubungannya dengan kitani dan membuang masa saja kitani disini untuk merundingkannya.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat, ada ia di sana? Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II untuk memberikan penerangan-penerangannya, silakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya memulakan penjelasan mengenai dengan perkara-perkara yang dibangkitkan, kaola, peramba, saya ingin memohon sekiranya dapat memberi sedikit penjelasan mengenai dengan

atau pun *introduction* kepada kementerian dan tugas-tugasnya supaya lebih terang sedikit kenapa kementerian dan apa ia membuat.

Terlebih dahulu, kaola ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih juga kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas peruntukan sebanyak \$125,184,368.00 yang disokong bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk tahun kewangan kali ini.

Kementerian ini akan memanfaatkan peruntukan yang disediakan sebaik mungkin dengan cara berhemah dan menampung keperluan perbelanjaan kementerian termasuk pejabat-pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam yang di luar negara dan pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Dari pecahan peruntukan tersebut, sebanyak \$57,355,310.00 diperuntukkan untuk *emolument* yang antara lainnya bagi membiayai gaji para pegawai dan kakitangan kementerian yang pada masa ini berjumlah kurang-kurang 1,100 orang di dalam dan di luar negeri dan sejumlah \$60 juta disediakan untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang. Sementara \$7,829,058.00 di peruntukan untuk perbelanjaan Kemajuan atau pun RKN.

Dengan peruntukan-peruntukan tersebut akan dapat membantu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk terus mendukung dan menjaga kepentingan Negara Brunei Darussalam mencapai objektif-objektif dasar luar kita serta menyumbang kepada pembangunan berterusan negara.

Ke arah itu, Kementerian akan terus memberi tumpuan kepada memperkukuhkan lagi hubungan bersama negara-negara lain melalui pendekatan dua hala dan berbagai hala. Bersandarkan kepada prinsip-prinsip dasar luar yang pragmatik serta mempertingkatkan lagi keupayaan pegawai dan kakitangan kementerian ini dan juga sepejabat-pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam yang berada di luar negara.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Selaras dengan matlamat mempromosi dan melindungi kepentingan Negara Brunei Darussalam, kita mempunyai sebanyak 43 pejabat perwakilan di luar negara. Ini termasuk juga kepada pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa seperti ASEAN, seperti UN. Pejabat-pejabat perwakilan ini memainkan peranan penting dalam mengetengahkan kepentingan negara dalam memelihara kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam di luar negara serta juga memajukan hubungan diplomatik.

Ini termasuk mempelbagaikan ekonomi, menarik pelaburan asing, memajukan bidang pendidikan dan sumber tenaga manusia, menampilkan tradisi budaya kita di dunia luar serta meneroka bidang-bidang kerjasama baru dengan negara-negara sahabat. Sepertimana ada yang pertanyaan tadi oleh Yang Berhormat.

Oleh yang demikian, kementerian ini sentiasa komited dengan meningkatkan lagi keupayaan fungsi dan pejabat-pejabat perwakilan di luar negara bagi memastikan ia dapat menjalankan tanggungjawab secara lebih berkesan.

Seperti yang diketahui, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bukanlah sebuah kementerian yang besar. Kaola, peramba, saya tadi menyatakan kakitangan yang kira-kiranya 1,065 orang pegawai termasuk juga kakitanganambilan tempatan di pejabat-pejabat perwakilan kita di luar negara. Kementerian perlu mengukuhkan pengurusan sumber tenaga manusia di samping peruntukan yang mencukupi bagi mengalas tanggungjawab yang kian meningkat. Selari dengan meningkatnya komitmen serta kerjasama negara ini di peringkat antarabangsa.

Selain itu, dengan cabaran diplomasi yang semakin kompleks adalah amat penting untuk sentiasa memperkembangkan keupayaan pegawai-pegawai kementerian ini dalam memastikan pelaksanaan dasar luar negara yang berkesan.

Ini antara lain melalui jaringan *networking* yang luas dengan rakan-rakan di luar negara serta mengungkayahkan acara-acara diplomatik.

Sebagai barisan hadapan Negara Brunei Darussalam di persada antarabangsa, mereka perlu menjalankan tugas dengan penuh profesionalisme dan penuh dedikasi. Oleh yang demikian, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri juga akan sentiasa berusaha memastikan kebajikan pegawai dan kakitangannya diberi keutamaan termasuk yang *mental health* dalam menghadapi kenaikan kos dan sara hidup di luar negeri.

Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh kementerian adalah menyediakan bayaran gaji yang lebih kompetitif bagi kakitanganambilan tempatan atau pun *locally engaged staff* yang berkhidmat di pejabat-pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam. Di samping bagi memenuhi peraturan dan undang-undang buruh di negara-negara berkenaan, langkah ini bertujuan untuk menarik sumber tenaga kerja yang lebih berkebolehan dan seterusnya meningkatkan produktiviti serta menyumbang kepada keberkesanan operasi pejabat perwakilan.

Selain itu, peruntukan kementerian juga ditumpukan kepada pemeliharaan aset-aset kerajaan dan perwakilan kita di luar negara seperti bangunan, pejabat, rumah-rumah kediaman rasmi Duta-Duta Besar, Pesuruhjaya Tinggi, kediaman-

kediaman pegawai-pegawai dan kenderaan-kenderaan.

Aset-aset ini memerlukan pemeliharaan yang berterusan dan penjagaan mengikut piawaian peraturan setempat dari semasa ke semasa. Penyelenggaraan aset-aset ini adalah penting bagi memastikan pejabat-pejabat perwakilan berfungsi *optimum* yang mana mencerminkan imej Negara Brunei Darussalam di peringkat antarabangsa.

Secara keseluruhannya, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bertanggungjawab memelihara dan menguruskan aset-aset di dalam dan di luar negara termasuk Ibu Pejabat Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri yang terletak di Subok, Pusat Persidangan Antarabangsa di Berakas, Bubungan Dua Belas dan 80 buah bangunan di luar negara yang merangkumi pejabat-pejabat perwakilan, kediaman rasmi dan kediaman pegawai-pegawai.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Negara Brunei Darussalam akan terus mempertahankan dasar luarnya bagi memastikan kedaulatan, kemakmuran dan kepentingan negara kita sentiasa dihormati dan terpelihara. Dasar luar kita amalkan ini adalah terbukti menyumbang kepada keselamatan, kesejahteraan dan pembangunan berterusan negara.

Meskipun Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang sedang membangun dan kecil, dasar luar kita

telah membolehkan negara ini menjadi ahli masyarakat dunia yang bertanggungjawab serta berupaya memberikan sumbangan positif ke arah keamanan dan pembangunan serantau mahu pun antarabangsa.

Pada masa yang sama, dasar luar yang efektif hanya boleh dicapai apabila didukung oleh dasar domestik yang kukuh. Kestabilan ekonomi dan sosial, keselamatan serta daya saing negara adalah faktor utama dalam menentukan kredibiliti dan keberkesanan diplomasi kita.

Justeru itu, kejayaan dasar luar kita dalam memelihara kepentingan negara bukan hanya tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri semata-mata tetapi memerlukan kerjasama dan komitmen yang menyeluruh dari semua agensi kerajaan, maka pendekatan *whole of government* akan terus menjadi asas dalam merangka dan melaksanakan dasar luar negara.

Kementerian ini memerlukan usaha bersepadu dan kerjasama berterusan dari setiap kementerian dan agensi kerajaan untuk menyokong objektif dasar luar sama ada di dalam bidang keselamatan, ekonomi, kesihatan, pendidikan, maritim, alam sekitar atau tenaga ke arah mempromosi dan menjaga kepentingan negara di arena antarabangsa.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seterusnya abiskaola akan menjelaskan beberapa pertanyaan yang diajukan tadi.

Yang pertama adalah daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, mengenai dengan apakah kementerian mengadakan sesi perbincangan bersama kementerian-kementerian yang berkaitan mengenai dasar-dasar melibatkan hal ehwal luar negeri.

Prinsip-prinsip dan dasar luar negara ini yang telah digariskan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984, terus menjadi panduan asas dalam pelaksanaan dasar luar.

Sehubungan dengan itu, pelaksanaan dasar luar memerlukan pendekatan *whole of government* dan kerjasama serta komitmen yang menyeluruh dari ke semua agensi kerajaan. Ini bertujuan untuk memastikan dasar luar kita bukan sahaja sejajar dengan dasar-dasar domestik dan strategi pembangunan negara bahkan juga untuk memelihara kepentingan serta keselamatan negara. Oleh itu pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sentiasa mengadakan sesi perbincangan dengan kementerian-kementerian, agensi-agensi dan jabatan-jabatan yang berkenaan dalam merangka dan menyelaraskan kedudukan negara dalam isu-isu semasa.

Sebagai contoh, dalam pusingan keempat Penilaian Berkala Sejagat atau pun *Universal Periodic Review Cycle*, dalam Majlis Hak Asasi Manusia yang diadakan 8 November tahun lepas di Geneva, Switzerland.

Kementerian ini telah bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkenaan dalam menyediakan laporan yang dikemukakan kepada Pejabat Pesuruhjaya Tinggi, PBB bagi hak asasi manusia.

Kedua, mengenai dengan dasar yang disampaikan kepada Pejabat-Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara untuk diimplementasikan. Kementerian ini juga memastikan pejabat-pejabat perwakilan di luar negeri sentiasa selaras dengan dasar-dasar negara dalam menjalankan tugas diplomatik dan bagi menjaga kepentingan Negara Brunei Darussalam di peringkat antarabangsa.

Dasar-dasar luar Negara Brunei Darussalam disampaikan melalui pelbagai saluran rasmi termasuk arahan kementerian, taklimat, perbincangan bersama ketua perwakilan serta dokumen yang menggariskan mandat dan tugas-tugas yang perlu dilaksanakan.

Dari semasa ke semasa, kementerian turut menyalurkan kepada pejabat-pejabat perwakilan di luar negara maklumat terkini mengenai kedudukan Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan isu-isu berkepentingan.

Selain itu sebahagian daripada persiapan bagi pegawai yang akan berkhidmat di luar negara, kementerian juga mewajibkan mereka untuk menghadiri taklimat-taklimat komprehensif di bawah jabatan-jabatan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri serta agensi-agensi yang lain. Ini termasuk taklimat mengenai dasar luar negara serta hubungan strategik dengan negara-negara di mana mereka akan ditempatkan.

Mengenai dengan keupayaan pembangunan manusia atau pun *human capacity building* mengenai dengan *Law of the Sea* dan sebagainya. Ianya masih sentiasa dalam pertimbangan kementerian untuk meningkatkan keupayaan-keupayaan rakyat Brunei atau pun pegawai yang berkenaan dalam isu-isu atau dalam peraturan-peraturan yang utama.

Dalam pada itu, Negara Brunei Darussalam juga bekerjasama dengan negeri-negeri sahabat dalam mana dapat memberikan bantuan untuk meningkatkan keupayaan-keupayaan tersebut, sepertimana dengan negara Australia, kita bekerjasama untuk mendapat dan meningkatkan *lawyers* Brunei untuk mendalam lagi dalam *Law of the Sea*.

Seterusnya, mengenai dengan pertanyaan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, mengenai dengan anggaran perbelanjaan rawatan perubatan luar yang berjumlah \$1 juta di manakah perbelanjaan ini disalurkan?

Sebenarnya peruntukan bagi Akaun 2118 Rawatan Perubatan Luar bagi Tahun Kewangan 2025/2026, peruntukan sebanyak \$900 ribu, bukan \$1 juta seperti yang dinyatakan. Peruntukan pada tahun ini berkurangan sejumlah \$100,290.00 daripada yang diluluskan pada Tahun Kewangan 2024/2025.

Pengurangan tersebut adalah mengambil kira trend perbelanjaan sebenar sejak tiga tahun yang kebelakangan. Akaun ini adalah membiayai kos-kos rawatan pegawai-pegawai kementerian ini, *home based staff* dan yang bertugas di luar negara termasuk keluarga dan tanggungjawab mereka, yang ikut bersama berposting di negara berkenaan.

Di samping itu, peruntukan ini juga bagi membiayai rawatan perubatan kakitanganambilan tempatan, *local engaged staff* di negara-negara yang tidak diwajibkan perlindungan insurans kesihatan. Biaya perubatan ini adalah sebahagian daripada kemudahan-kemudahan yang dihulurkan kepada pegawai-pegawai yang berposting dan kakitangan *local engaged staff* yang berkhidmat di pejabat-pejabat perwakilan kita di luar negara.

Manakala berhubung perbelanjaan pesakit yang dihantar oleh pihak kerajaan ataupun bagi membantu warganegara Brunei Darussalam berada di luar negara, yang memerlukan rawatan kecemasan, bukanlah di bawah peruntukan kementerian ini.

Maka dalam perkara ini, Kementerian sangat menggalakkan warganegara Brunei Darussalam yang berhasrat untuk membuat perjalanan keluar negara untuk mendapatkan insurans perjalanan terlebih dahulu bagi perubatan dan sebagainya, sebagai persediaan menghadapi situasi-situasi yang tidak dapat dijangkakan.

Seterusnya, bagi menjelaskan pertanyaan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, mengenai dengan bantuan kemanusiaan kepada pelarian untuk mendapatkan perlindungan sepertimana rohingya dan sebagainya.

Yang Berhormat Pengerusi, ini ada juga berkaitannya dengan soalan yang diajukan oleh, menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub dan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, memandangkan isu yang disoal adalah berkaitan perkara yang sama.

Untuk makluman isu pendaratan pelarian Rohingya dilaporkan berlaku di kawasan-kawasan perairan Malaysia, Indonesia, Thailand dan juga Australia. Dan merupakan laluan terdekat bagi perjalanan bot-bot pelarian berkenaan melalui Teluk Bengal. Negara Brunei Darussalam juga memberikan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Rohingya termasuk melalui sumbangan kewangan pada tahun 2017 dan 2018. Dan penyediaan *humanitarian assistance*

seperti pam-pam air dan *generator* di Cox's Bazar, Bangladesh.

Untuk makluman semua, Negara Brunei Darussalam juga bukanlah sebuah negara ahli ataupun negara yang menandatangani di *United Nation Convention Relating to The Status of Refugee* ataupun *Protocol Relating to The Status of Refugee* yang memperuntukkan hak dan perlindungan kepada individu-individu negara asing yang melarikan diri untuk mendapat bantuan asas seperti penempatan pekerjaan dan pendidikan.

Walaubagaimanapun Negara Brunei Darussalam, walaupun kita bukan ahli kepada *convention-convention* tersebut, Negara Brunei Darussalam terus menyokong usaha-usaha Pertubuhan-Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam memberikan bantuan kepada pelarian Rohingya. Selain itu Negara Brunei Darussalam terus komited untuk bekerjasama rapat dengan negara-negara anggota ASEAN dalam usaha menyokong Myanmar bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan penduduk di Negeri Rakhine terjamin. Termasuk memudahkan pemulangan pelarian-pelarian Rohingya secara sukarela dan selamat. ASEAN juga menggalakkan Setiausaha Agung ASEAN untuk mengenal pasti langkah-langkah bagi memudahkan proses pemulangan pelarian tersebut.

Soalan kedua mengenai dengan pengurusan pejabat perwakilan luar berkenaan. Jumlah keseluruhan jawatan

pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri adalah 1,202 jawatan tetapi sepertimana yang kaola, peramba, saya sebanyak jawatan yang berisi pada masa ini adalah 1,065.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 165 pegawai kementerian ini ditugaskan diluar negeri sebagai *home-based staff* dan 471 kakitangan ambilan tempatan *locally engaged staff* sedang berkhidmat di Pejabat-Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam.

Daripada kalangan kakitangan *locally engaged staff* tersebut seramai 15 orang terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam dan selebihnya warga negara asing. Ini menjadikan keseluruhan seramai 180 orang warga Brunei Darussalam yang bertugas diluar negara di Pejabat-Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam pada masa ini.

Bagi kakitangan *locally engaged staff* sama ada warganegara Brunei Darussalam atau warganegara asing, semuanya menerima faedah perkhidmatan dan kemudahan yang sama rata mengikut peraturan lantikan pekerja-pekerja tempatan di agensi Brunei. Mereka ini terikat dengan peraturan dan undang-undang Buruh dinegara berkenaan.

Oleh yang demikian faedah perkhidmatan dan kemudahan yang dihulurkan kepada kakitangan *locally engaged staff*, adakah ia rakyat Brunei ataupun rakyat negara lain secara

umumnya tidak sama dengan yang dihulurkan kepada *home-based staff*.

Beberapa kemudahan yang tidak ditanggung oleh pihak kerajaan bagi kakitangan *locally engaged staff* antaranya seperti bayaran sewa rumah, kediaman, tiket penerbangan, visa, elaun-elaun pasangan dan anak, persekolahan-persekolahan anak-anak dan sebagainya.

Yang Berhormat Pengerusi. Sampai sini sahaja kaola menjawab dulu kerana makin karing sudah leher.

Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Jadi sekarang, dengan itu saya kira ada baiknya Tajuk ini sekarang kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk SC01A diluluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya semua ahli bersetuju maka Tajuk SC01A – Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SC01A dijadikan sebahagian daripada jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah dulu kita berunding dan berbincang pada hari ini. Ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan

dan kita bersidang semula dalam
Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang
semula)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersidang
semula dalam Persidangan Majlis
Mesyuarat Negara. Saya kira cukup
sekian kita bersidang pada hari ini dan
saya cadangkan supaya Mesyuarat
kita ini kita tangguhkan.

Insya Allah, kita akan bersidang semula
pada keesokan harinya iaitu hari Rabu,
12 Mac 2025 sebagaimana lazim mulai
pada pukul 9.30 pagi.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah.
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)